

KESEMBILAN*Ninth***PERTAMA***First*

Jilid 1 Bil. 15 Hari Khamis 14hb. Disember, 1995

K A N D U N G A N**PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:**

Hansard - Kelewatan Pengeluaran (Ruangan)

Rang Undang-undang Mahkamah Kehakiman (Pindaan) (No.2) 1995 -
 Prosiding di peringkat Jawatankuasa dibatalkan (expunged) (Ruangan)

Perutusan Daripada Dewan Rakyat (Ruangan)

URUSAN MESYUARAT (Ruangan)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1995) (No. 2) 1995 (Ruangan)

Rang Undang-undang Mahkamah Kehakiman (Pindaan) (No. 2) 1995(Ruangan)

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada
 Peraturan Mesyuarat (Ruangan)

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KESEMBILAN
Penggal Yang Pertama
AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Dato' Adam bin Kadir, D.I.M.P.
(Dilantik)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat, P.G.D.K., J.S.M., J.P. (Dilantik)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Tuan Abdul Rashid bin Ismail, A.M.N., P.K.T., P.J.K., P.J.M. (Pulau Pinang)
- “ Tuan Haji Abdul Salam bin Awang, A.M.N. (Dilantik)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K, B.K.M. (Kedah)
- “ Tuan Michael Bong Thiam Joon, A.B.S., J.B.S. (Dilantik)
- “ Dato' Chet Singh s/o Karam Singh (Pulau Pinang)
- “ Tuan Chong Chi Siong @ Chong Fah (Negeri Sembilan)
- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Tuan Frankie Chong Yu Chee, A.D.K. (Sabah)
- “ Tuan Ding Seling (Dilantik)
- “ Tuan Haji Dol bin Dolah, A.M.N., P.P.N., J.P. (Melaka)
- “ Tuan Eng Hoi Choo (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Tuan Haji Ghazali bin Haji Embong, P.J.K. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Habshah binti Haji Osman, P.P.T., P.J.K. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)

- “ Wan Hamid Edruce bin Tuanku Haji Mohamad, A.B.S.
(Sarawak)
- “ Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed. Zain (Dilantik)
- “ Tuan Hanipah bin Ahmad, P.J.K. (Perlis)
- “ Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafain, D.M.S.M. (Dilantik)
- “ Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)
- “ Tuan Ibrahim bin Daud, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I.,
A.M.N., P.P.N. (Johor)
- “ Tuan Isli bin Haji Siput (Dilantik - Wilayah Persekutuan
Labuan)
- “ Tuan Itam Wali bin Nawan, P.P.N. (Dilantik)
- “ Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad, A.M.N., A.N.S., P.M.C.,
P.J.K., J.C. (Negeri Sembilan)
- “ Tuan Janggu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)
- “ Datuk Johan B.O.T. Ghani @ Christopher, P.G.D.K., K.M.N.
(Dilantik)
- “ Puan Kalthom binti Haji Othman (Kelantan)
- “ Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)
- “ Tuan Kan Kok Kwan, D.N.S., K.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P.
(Dilantik)
- “ Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Puan Kelsom binti Yaacub, A.M.P., P.J.K. (Pahang)
- “ Puan Kian Sit Har, P.J.K., A.M.N., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Tuan P. Krishnan a/l Permual (Dilantik)
- “ Tuan Low Kai Meng, P.J.K., J.P. (Perak)

- “ Datuk Maidom P. Pansai @ Paul Pansai (Dilantik)
- “ Tuan N. Marimuthu a/l Nadesan, A.M.P., A.M.N., P.P.N.,
P.J.K., J.P.
(Dilantik)
- “ Tuan M.G. Pandithan @ Nyana Pandithan @ Ganapandythan a/
Muthandi (Dilantik)
- “ Puan Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)
- “ Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi, A.M.P., P.P.N., P.J.K.
(Perak)
- “ Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud (Kelantan)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin (Dilantik)
- “ Tuan Ng See Tiong, A.M.N., P.I.S., P.K. (Johor)
- “ Dato’ (Ir.) Ng Thian Hock, D.S.S.A., S.M.S., P.J.K., J.P.
(Dilantik)
- “ Dr. Ng Yen Yen, P.J.K. (Pahang)
- “ Tuan Haji Othman bin Yunos, K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N.,
P.P.N.
(Dilantik)
- “ Puan Hajah Rahaiah binti Baheran, P.J.K. (Dilantik)
- “ Tuan Rahim bin Baba, A.M.P. (Dilantik)
- “ Tuan Saad bin Haji Man (Dilantik)
- “ Tuan Saidin bin Mohamad (Perlis)
- “ Tuan Haji Sairin bin Karno (Sabah)
- “ Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali, P.J.K. (Terengganu)
- “ Puan Sri Sarasa Pasamanickam, A.M.N., P.I.S. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Selemiah binti Hashim (Dilantik)

- “ Dato’ Soong Siew Hoong, S.M.S., K.M.N., D.P.M.S., J.S.M.
(Dilantik)
- “ Tuan Tan Son Lee (Kedah)
- “ Tuan Tan Swee Hueng (Dilantik)
- “ Dato’ V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Dato’ Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ Tan Sri Dato’ G. Vadiveloo a/l Govindasamy, P.S.M., D.P.M.S.,
.M.S.,
A.M.N. (Dilantik)
- “ Datuk K. Vijayanathan a/l Kesava Pillai, D.J.N., K.M.N., P.J.K.
(Dilantik)
- “ Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin, P.J.K.,
A.M.S.
(Dilantik)
- “ Tuan Haji Zainal bin Md. Deros, S.S.A., P.J.K., J.P. (Selangor)
- “ Dato’ Zainol Abidin bin Johari, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N.,
B.K.M.,
P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Zaleha binti Hussin (Dilantik)
- “ Tuan M. Zeevill @ Sharmugam a/l R.M.S. Mutaya (Selangor)

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara:	Haji Mohamed Salleh bin Abu Bakar, K.M.N.
Ketua Penolong Setiausaha:	Said bin Sidik
Ketua Penolong Setiausaha:	Abdullah bin Abdul Wahab
Penolong Setiausaha Kanan:	Zamani bin Haji Sulaiman

CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan:	Azhari bin Hamzah
Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Haji Suhor bin Husin

PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof
Hajah Supiah binti Dewak
Hajah Kalsom binti Ghazali
Mohamed bin Osman
Norishah binti Mohd. Thani
Zaharah binti Naim
Norwahidah binti Azizi
Rozita binti Abd. Samad
Jainah binti Sakimin
Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop
Shamsina binti Janor

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Khamis, 14hb. Disember, 1995

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA

HANSARD - KELEWATAN PENGELUARAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin memaklumkan bahawa Penyata Rasmi atau *Hansard* Dewan Negara tidak dapat diedarkan kepada ahli-ahli pada keesokan hari disebabkan penyediaan *Hansard* bagi Dewan Rakyat semasa sidang Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang berjalan serentak pada kali ini. Jabatan Parlimen tidak mempunyai tenaga kerja yang cukup bagi menyediakan *Hansard* untuk kedua-dua Dewan apabila Dewan-dewan ini bersidang serentak.

RANG UNDANG-UNDANG MAHKAMAH KEHAKIMAN (PINDAAN) (NO. 2) 1995 - PROSIDING DI PERINGKAT JAWATANKUASA DIBATALKAN (EXPUNGED)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin menarik perhatian Dewan ini bahawa Rang Undang-undang Mahkamah Kehakiman (Pindaan) (No.2) 1995 yang telah diluluskan oleh Dewan ini semalam diulang semula disebabkan tidak mengikut prosedur sebenarnya mulai dari peringkat Jawatankuasa dan semua urusan selepas itu hendaklah dibatalkan atau dalam bahasa Inggeris "Expunged". Dengan yang demikian, Rang Undang-undang Mahkamah Kehakiman (Pindaan) (No.2) 1995 akan dibincangkan semula setelah Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1995) (No.2) 1995 diluluskan pada hari ini mulai daripada peringkat Jawatankuasa.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Saya jemput Setiausaha membaca perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

“13 Disember 1995

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

KEPADA DEWAN NEGARA

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,
 Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:-
 1. Rang Undang-undang Perbekalan 1996.
 Yang ikhlas,
 t.t.
 Yang di-Pertua Dewan Rakyat”

URUSAN MESYUARAT

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Chong Kah Kiat]: Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang tersebut dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di Mesyuarat ini:

1. Rang Undang-undang Perbekalan 1996.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

GURU DI SABAH - KEKURANGAN

1. Tuan Haji Sairin bin Karno minta Menteri Pendidikan menyatakan:-

- (a) bilakah masalah kekurangan guru-guru di Sabah dapat diatasi;
- (b) kenapakah jumlah pengambilan KDC ke atas guru-guru sandaran tidak dilipatgandakan; dan
- (c) mengapa guru-guru sandaran yang bertugas bertahun malah berpuluh tahun tidak diberi tunggakan gaji.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi soalan:

- (a) Masalah kekurangan guru di Sabah dan negeri-negeri lain akan dapat diatasi dengan pengeluaran guru pelatih ambilan dua kali setahun yang akan keluar mulai Disember 1995 hingga Jun 1997.
- (b) Buat masa ini KDC hanya dilaksanakan di 7 buah maktab perguruan di Sabah dan Sarawak bagi mengatasi masalah kekurangan guru-guru terlatih di negeri-negeri tersebut. Program tambahan KDC untuk guru-guru sandaran bagi seluruh negara adalah dalam perbincangan.
- (c) Soalan Yang Berhormat tidak begitu jelas kerana sama ada soalan ini membawa

maksud bayaran bonus ataupun bayaran tunggakan gaji kerana berkhidmat sebagai guru sandaran.

Sekiranya berkaitan dengan bayaran bonus, sepertimana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan dalam Belanjawan 1996, maka jawapannya mereka adalah layak dibayar bonus berkenaan.

Bagaimanapun, jika soalan Yang Berhormat bermaksud pembayaran tunggakan gaji semata-mata kerana berkhidmat sebagai guru sandaran sahaja tanpa disusuli dengan lantikan ke jawatan tetap, maka memang tidak ada asas untuk mereka dibayar tunggakan gaji walaupun bertahun-tahun berkhidmat sebagai guru sandaran. Ini kerana mereka diambil bekerja secara sementara dari bulan ke bulan dengan tujuan untuk mengisi kekosongan jawatan yang sedia ada.

Sebagai anggota lantikan secara sandaran, proses lantikan mereka bermula di awal sesi semester persekolahan dan akan ditamatkan perkhidmatan di akhir semester persekolahan pada tiap-tiap tahun ataupun apabila jawatan telah dapat diisi oleh guru-guru yang terlatih. Semasa sedang berkhidmat, mereka memang telah dibayar elaun bulanan mengikut kadar yang telah ditetapkan dan tidak berbangkit persoalan bayaran tunggakan gaji.

Datuk Haji Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, pohon penjelasan tambahan daripada Datuk Timbalan Menteri mengenai program Kursus Dalam Cuti (KDC) yang memang sekali ada, sekali tiada dan dalam proses. Soalannya, bagaimana kepada guru-guru sementara atau sandaran yang mengajar tetapi bila sampai masa permohonan perlu dibuat, umurnya mungkin lebih, setengah tahunkah atau dua bulan daripada syarat, apakah mereka ini diberi pertimbangan kerana mereka telah memberi sumbangan dan diberi peluang untuk mengikuti KDC ataupun ke mana peluang kerajaan untuk membalas khidmat mereka?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, kita menghargai sumbangan guru-guru sandaran tersebut, maka Kementerian Pendidikan sedang mengkaji dan akan melaksanakan satu KDC, khususnya untuk guru-guru sandaran yang belum mempunyai kelayakan yang penuh. Kita akan mencari jalan bagaimana kita boleh benarkan guru-guru sandaran tersebut untuk dijadikan guru terlatih melalui KDC yang kita akan tubuhkan.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalan ini ada kaitan dengan soalan yang baru dijawab, tetapi saya ingin mendapat sedikit penjelasan, bagaimana kedudukan guru-guru sandaran bila Akta Pendidikan baru ini dilaksanakan nanti?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, Akta Pendidikan 1995 yang akan dibentangkan pada sesi tahun ini tidak ada berkaitan secara direct berhubung dengan skim perkhidmatan guru sandaran. Namun demikian, kita akan kaji dan Kementerian Pendidikan akan berusaha untuk mempertingkatkan perkhidmatan mereka mengikut kebolehan Kementerian Pendidikan.

Tuan Ding Seling: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan berapa peratuskah jumlah guru-guru sandaran? Setahu saya di dua-tiga buah sekolah menengah di kawasan pedalaman di Sarawak, yang pernah saya lawati, didapati tidak kurang dari 40%, mengapakah peratusan ini begitu tinggi? Seterusnya bukan sahaja peratusan itu tinggi, tetapi guru-guru yang ada bertugas di sekolah itu hanya 2-3 tahun, kalau lebih lama hanya 5 tahun sahaja. Ini bermakna tidaklah guru-guru di situ orang-orang yang berpengalaman. Apakah pandangan kementerian untuk mengatasi keadaan begini untuk menentukan perkhidmatan guru kepada murid-murid mereka selaras dengan sekolah-sekolah yang bertempat di bandar? Terima kasih.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, jumlah guru sandaran di sekolah-sekolah rendah seluruh negara adalah hampir 12,000 orang termasuk SRJK(C), SRJK(T) dan juga sekolah kebangsaan.

Satu alasan utama kenapa Kementerian Pendidikan tidak dapat mengisikan semua jawatan di sekolah-sekolah khususnya di sekolah-sekolah luar bandar ialah kerana ada ramai guru-guru terlatih enggan dihantar ke

sana, juga ada kes-kes di mana guru-guru tertentu yang dihantar oleh kementerian mendapat sokongan dari Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat, termasuklah Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negara ini. Kementerian Pendidikan haruslah memberi pertimbangan di atas perkara ini. Jadi itulah masalahnya. Namun demikian, kita akan cuba menghantar guru-guru terlatih yang cukup untuk semua sekolah.

PENDAFTARAN SEMULA PENGUNDI - RANCANGAN

2. **Tuan Frankie Chong Yu Chee** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada rancangan pendaftaran semula pengundi seluruh negara akan diteruskan; jika ya, apakah cara pengendaliannya dan berapa lamakah ia akan berakhir.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, cadangan untuk mengadakan urusan mendaftarkan semula pengundi-pengundi masih lagi dalam pertimbangan kerajaan. Oleh sebab perkara ini masih dalam pertimbangan kerajaan, maklumat-maklumat yang dikehendaki berkaitan dengan urusan tersebut tidak dapat diberi buat masa ini.

Perkara-perkara seperti pengendalian dan jangka lama masa yang diperlukan bagi menjalankan pendaftaran semula akan diumumkan oleh kerajaan sekiranya kerajaan memutuskan untuk melaksanakan pendaftaran semula. Bagi melaksanakan projek ini, kerajaan akan memakan belanja yang besar dan melibatkan kakitangan yang ramai.

Tuan Saidin bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari masa ke semasa kerajaan telah membuat pendaftaran pengundi-pengundi baru sejak beberapa tahun yang lalu. Perubahan-perubahan di segi untuk

mendapatkan pengundi-pegundi tentulah berubah dari semasa ke semasa. Walau bagaimanapun, saya dapati masih terdapat ramai yang belum mendaftar, apakah cara-cara yang dilaksanakan atau perubahan-perubahan yang dibuat itu tidak memberi kekesanan yang baik ataupun adakah sesuatu strategi yang lain, yang kerajaan akan jalankan?

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, apabila kita mengadakan peluang kepada rakyat kita yang layak mengundi untuk mendaftar, kerajaan akan menjalankan satu masa pendaftaran ke seluruh negara, yang mana beberapa pegawai tertentu ditempatkan di tempat-tempat yang ditetapkan dari semasa ke semasa.

Memang kadangkala ada di antara rakyat kita tidak begitu peka untuk mendaftar sebagai pengundi, di atas keadaan ini kerajaan sedar. Oleh itu di antara tindakan yang agak berkesan dan baik ialah mengadakan pendaftaran bergerak, terutama sekali kalau sekiranya satu ataupun dua tahun sebelum pilihan raya, pihak SPR mengadakan pendaftaran bergerak iaitu menggunakan kenderaan pergi ke tempat-tempat tertentu dan membuat pendaftaran dan sambutannya amat menggalakkan.

Yang kedua, kerajaan membuat pendaftaran secara litaran yang mana pegawai SPR tertentu menunggu di kompleks beli-belah yang ramai orang dan mendaftar di situ, juga mendapat sambutan yang baik. Inilah di antara cara-cara yang SPR telah buat bagi menentukan supaya mereka yang layak mendaftar sebagai pengundi. Terima kasih.

Tuan Saad bin Haji Man: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, apakah kerajaan sedar bahawa dalam setiap kali selepas daripada proses pendaftaran pemilih dibuat, masih terdapat senarai nama-nama mereka yang telah meninggal dunia bertahun-tahun sebelum itu masih wujud di dalam senarai tersebut. Apakah tidak ada penyelarasan di antara Suruhanjaya Pilihanraya dengan agensi-agensi kerajaan yang terlibat dalam perkara ini. Apakah rancangan kerajaan untuk mengatasi masalah ini?

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, memang kita tidak menafikan masih ada sedikit bilangan pengundi-pengundi yang berdaftar, yang telah meninggal dunia masih di dalam pendaftaran. Walau bagaimanapun, kita telah bertindak berbagai cara untuk membersihkan pengundi-pengundi kita, di antaranya ialah kita menyemak dengan Jabatan Pendaftaran Negara nama-nama mereka yang telah meninggal dunia dan kita akan potong nama mereka di senarai di dalam pendaftaran pilihanraya. Ini adalah di antara kerja-kerja kita membersihkan pengundi-pengundi di dalam pendaftaran dan kerja ini diteruskan dari semasa ke semasa dan kita telah mendapat kerjasama yang baik dengan Jabatan Pendaftaran Negara. Bukan itu sahaja kita boleh membersihkan, bahkan selain daripada yang meninggal dunia, juga mana-mana pendaftar baru yang tidak terdapat nama mereka dengan Jabatan Pendaftaran Negara juga tidak didaftarkan sebagai pengundi.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pendaftaran pengundi-pengundi ini memang telah lama dibincangkan. Di JKK pun dibincangkan, peringkat cawangan UMNO pun dibincangkan, jadi bukanlah perkara yang tidak kita bincangkan.

Tuan Yang di-Pertua, pusat-pusat pendaftaran ini memang lemah, kakitangannya datang sekejap kemudian balik, tidak ada usaha gigih untuk mendapatkan pengundi-pengundi ini, jadi cara kerajaan hendak buat untuk bergerak dari rumah ke rumah ini baguslah. Tetapi saya hendak tanya sedikit, Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak kerajaan memikir semula untuk membuatkan pendaftaran pengundi-pengundi ini apabila sampai umur 21 tahun, semestinya dengan izin, compulsory registration. Terima kasih.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, memang kita sedar bahawa apabila kita menjalankan pendaftaran, sebagaimana saya nyatakan tadi memanglah sambutan kurang menggalakkan. Kadangkala apabila satu tempat kita buka, bukannya tidak ada pegawai yang menunggu tetapi tidak ada orang yang hendak mendaftar, datang mendaftar kepada mereka. Inilah di antara sebabnya kekurangan kita mendapat pendaftaran.

Yang kedua, setakat ini kerajaan tidak ada bercadang untuk membuatkan keputusan supaya

diwajibkan siapa yang layak mendaftar dengan pendaftaran mesti mendaftar sebagai pemilih.

IMPLIKASI UJIAN NUKLEAR - PERSEDIAAN DAN TINDAKAN OLEH KERAJAAN

3. **Puan Kamalia binti Ibrahim** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan persediaan dan tindakan kerajaan dalam menghadapi masalah impak dan implikasi ujian nuklear yang berkemungkinan akan terus berlaku, sedang berlaku dan telah berlaku.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Datuk Law Hieng Ding]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan akan terus mengikuti perkembangan ini serta menyatakan bantahannya ke atas ujian nuklear. Pendirian Malaysia khususnya terhadap ujian nuklear Perancis telah pun disuara dan dikemukakan secara rasmi oleh kerajaan.

Sehingga ini Perancis telah meledakkan empat ujian nuklear di Pasifik Selatan dan dijangka dua lagi akan diuji sebelum siri ujian nuklear Amerika ini ditamatkan. Kerajaan juga telah difahamkan bahawa ujian tersebut adalah untuk memastikan bahawa senjata nuklear yang ada sekarang selamat dan berkesan dan bukannya untuk membangunkan senjata baru.

Semua ujian nuklear akan diberhentikan di bawah Perjanjian Pengharaman Ujian Nuklear menyeluruh yang dijangka dimeterai pada tahun hadapan.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Masalah ujian nuklear ini adalah masalah radioaktif yang akan mengakibatkan kanser dan sebagainya kepada orang ramai. Adakah pihak kerajaan sedar bahawa radioaktif ini juga terdapat pada sisa-sisa minyak atau sludge yang sekarang ini dikeluarkan oleh kilang-kilang minyak kita di tanah air. Kalau ianya merupakan satu kebenaran, apakah tindakan yang diambil oleh kerajaan bagi menentukan sludge yang dikeluarkan oleh kilang minyak dan tangki minyak serta kapal-kapal tanker minyak ini dapat di recycle, dengan izin.

Datuk Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang sedar bahawa setengah-setengah sludge ini ada mengandungi sebahagian kecil tetapi tarafnya tidak merbahaya. Walau bagaimanapun, kerajaan selalu mengambil tindakan atau mengawasi bahan-bahan ini dari semasa ke semasa.

Puan Hajah Habshah binti Haji Osman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri ada mengatakan bahawa kerajaan telah pun membuat bantahan kepada kerajaan Perancis berkenaan dengan nuclear testing oleh Perancis dan buat pertama kalinya 20 juta rakyat Malaysia termasuk pembangkang telah pun bersatu menyokong bantahan ini dan telah pun

dihantar kepada Duta Perancis ke sini. Tetapi malangnya selepas memorandum itu disampaikan kepada duta, belum pun beliau sampaikan bantahan itu ke mana-mana, beliau telah pun menyatakan “terima kasih tetapi kami akan teruskan”. Apakah langkah kita terhadap sikap biadab duta Perancis ini? Adakah kita masih mengekalkan orang yang seperti ini menjadi duta ke negara kita? Terima kasih.

Datuk Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan ini sepatutnya dijawab oleh Wisma Putra. Walau bagaimanapun, saya ingin mengambil kesempatan ini memberi sedikit penjelasan mengenai pendirian negara kita. Ini adalah satu tanda baik yang ditunjukkan oleh rakyat Malaysia. Ini adalah menunjukkan rakyat Malaysia adalah bersatu padu dan dengan satu suara membantah ujian nuklear ini dan memang pendirian kerajaan ini adalah teguh terhadap isu ini seperti yang diterangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa perbuatan oleh kerajaan Perancis menunjukkan sikapnya, apa yang dikatakan dalam bahasa Inggerisnya, very arrogant, dengan izin, tetapi ini apa yang boleh kita buat, kita sebagai sebuah negara belum sampai ke tahap untuk menimbang perhubungan kedua-dua negara tetapi memang kerajaan memandang serius perkara ini. Sekian, terima kasih.

BEKALAN/KEPERLUAN DARAH DI HOSPITAL -KEDUDUKAN

4. **Puan Sri Sarasa Pasamanickam** minta Menteri Kesihatan menyatakan mengenai kedudukan bekalan/keperluan darah di hospital-hospital seluruh negara dan apakah kemudahan yang dapat diberi oleh Kementerian Kesihatan kepada penderma-penderma darah sukarela.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' M. Mahalingam]: Tuan Yang di-Pertua, penderma darah bagi hospital-hospital di seluruh negara adalah beranggaran 200,000 setahun yang mana pada tahun 1994 ialah sebanyak 218,578 dan pada tahun 1993 ialah sebanyak 211,439. Dari jumlah ini 89.3% adalah penderma sukarela dan 10.7% adalah penderma gantian bagi tahun 1994. Pengeluaran darah bagi tahun 1995 bagi hospital-hospital seluruh negara ialah sebanyak 176,244 unit darah bagi 97,597 orang penerima. Bakinya sebanyak 8.72% ataupun 17,899 unit darah dijadikan komponen darah seperti plasma, platelets dan lain-lain yang digunakan untuk merawat berbagai penyakit. Kemudahan-kemudahan yang diberi oleh Kementerian Kesihatan untuk penderma-penderma darah sekarang adalah seperti berikut:

- (i) Menderma 15 kali dan kurang dikecualikan sepenuhnya daripada caj rawatan dan caj-caj wad dalam wad kelas dua dalam tempoh empat bulan selepas

menderma kali terakhir dan rawatan pesakit luar percuma dalam tempoh yang sama.

- (ii) Menderma 16 kali hingga 40 kali - dikecualikan sepenuhnya dengan caj-caj rawatan dan caj-caj wad dalam wad kelas dua dalam tempoh empat bulan selepas menderma kali terakhir dan selepas itu setengah daripada caj-caj rawatan dan caj-caj dalam wad kelas dua dan rawatan pesakit luar percuma dalam tempoh 3 tahun selepas menderma kali terakhir.
- (iii) Menderma 41 kali dan lebih - dikecualikan sepenuhnya dengan caj-caj rawatan dan caj-caj wad dalam wad kelas dua dan rawatan pesakit luar percuma pada bila-bila masa.

Tuan Ng See Tiong: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengemukakan soalan tambahan saya, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kerana dengan usaha dan jasa baik Yang Berhormat Klinik Khidmat Pergigian telah diadakan mulai hari ini di Bangunan Parlimen. *[Tepuk]* Tindakan sekilat Yang Berhormat patut dipuji. Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya soalan tambahan saya.

Sejauh manakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak kementerian bagi menggalak dan memberi pengetahuan kepada penderma darah secara sukarela di semua peringkat di seluruh negara. Sekian, terima kasih.

Dato' M. Mahalingam: Setakat ini darah cukup. Walau bagaimanapun, kita suka menggalakkan orang ramai menderma darah. Pada masa ini, kerajaan sedang mengkaji kemungkinan untuk menambah keistimewaan kepada penderma-penderma darah agar lebih ramai lagi akan tampil untuk menderma darah.

Tuan Yang di-Pertua: Banyak darah.

Dato' M. Mahalingam: Banyak.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen apakah sikap kerajaan terhadap perdagangan darah. Sebahagian besar daripada darah gantian yang disebut 10% tadi adalah bukan derma, tetapi sebenarnya terpaksa dibeli oleh keluarga pesakit menggunakan agen-agen, broker-broker ataupun ulat-ulat di hospital yang mencari orang-orang yang menjual darah. Saya ingin bertanya, apakah sikap kerajaan?

Yang kedua, bagaimanakah mutu darah tersebut dipastikan supaya ianya berkualiti baik.

Yang ketiganya, mungkinkah kerajaan melesenkan institutionalised perdagangan ini supaya kita lesenkan agensi-agensi dan orang-orang yang menjual darah tersebut.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, memang kita tidak ada lesen untuk jual darah, memang tidak ada, tetapi ini semuanya sukarela. Apa yang kita ada sekarang ialah darah gantian, dan harapan kerajaan akan datang, saya ingat tidak lama lagi kita mahu hapuskan ini. Memang kita tidak mahu ada darah gantian. Pada masa itu, kalau ada macam orang beli darah, saya ingat tidaklah ada. Tetapi kita tidak galakkan membeli. Kalau ada, apa-apa yang spesifik kes, laporkan dengan kementerian saya, kita boleh ambil tindakan.

KERETA API KUALA LUMPUR-KUANTAN- PANTAI TIMUR - PELAKSANAAN

5. **Puan Kelsom binti Yaacob** minta Menteri Pengangkutan menyatakan bilakah pelaksanaan jalan kereta api ke Pantai Timur melalui Kuantan dan Kuala Terengganu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang mempunyai rancangan jangka panjang untuk melaksanakan landasan kereta api ke Pantai Timur melalui Kuala Lumpur, Kuantan dan terus ke Kuala Terengganu. Walau bagaimanapun, memandangkan kos pembinaan infrastruktur kereta api adalah tinggi, maka kajian kemungkinan yang terperinci perlu dijalankan terlebih dahulu. Sekian.

UJIAN NUKLEAR OLEH PERANCIS - BANTAHAN

6. **Tuan N. Marimuthu** minta Menteri Luar Negeri menyatakan respon negara Perancis (France) terhadap protes dan bantahan rakyat Malaysia ke atas letupan percubaan bom nuklear baru-baru ini. Nyatakan juga tindakan yang akan diambil oleh Malaysia, jika Perancis terus dengan percubaan bom nuklear pada masa hadapan.

27.12.95

16. **Datuk Maidom P. Pansai** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah reaksi Perancis terhadap bantahan beberapa buah negara termasuk Malaysia mengenai ujian nuklearnya di lautan Pasifik Selatan.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menjawab soalan ini dari Yang Berhormat Tuan N. Marimuthu bersama soalan yang dikemukakan oleh Datuk Maidom P. Pansai pada 27hb Disember, 1995 mengenai isu yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, dukacita dimaklumkan bahawa nampaknya pihak Perancis tidak menghiraukan bantahan beberapa negara termasuk Malaysia mengenai ujian nuklearnya di Pasifik

Selatan. Mereka ini masih berdegil dan meneruskan ujian-ujian tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Perancis telah menjelaskan sebab-sebab mengapa ia melakukan ujian-ujian tersebut, dan menyatakan bahawa mereka akan menamatkan ujian-ujian ini pada bulan Februari 1996, iaitu lebih awal daripada masa yang terlebih dahulu ditetapkan pada Mei, 1996. Ia juga telah menyatakan sokongannya terhadap perjanjian menyeluruh mengharamkan ujian senjata nuklear, 'Comprehensive Test Ban Treaty,' yang dijangka akan ditandatangani pada tahun hadapan.

Walau bagaimanapun, Malaysia tidak dapat menerima alasan Perancis ini. Perancis sepatutnya menunjukkan komitmen mereka menyokong pengwujudan Perjanjian CTBT itu dengan menamatkan ujian senjata nuklear mereka dengan serta-merta. Malaysia akan terus menyatakan pendiriannya menentang segala ujian nuklear oleh mana-mana negara bersenjata nuklear. Malaysia juga akan menggesa Kerajaan Perancis supaya memberhentikan ujian senjata nuklear serta memenuhi komitmen mereka terhadap perlucutan senjata nuklear dan menyertai segala usaha antarabangsa yang bertujuan untuk mencapai objektif untuk mewujudkan dunia yang bebas dari senjata nuklear.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita telah mendapat pengakuan daripada pihak kerajaan mengatakan kerajaan tidak begitu berpuas hati di atas tindakan yang telah diambil oleh Perancis, dan kemungkinan juga pihak negara China terhadap ujian nuklear. Saya ingin mendapat penjelasan, di atas ketidakpuasan hati ini, adakah munasabah pihak Malaysia menunjukkan satu contoh kepada negara-negara luar di atas sikap beraninya terhadap ujian nuklear Perancis ini dengan mengambil tindakan memutuskan hubungan diplomatik dan perdagangan dengan Perancis khasnya dan berkemungkinan dengan Negara China amnya?

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, ingin saya jelaskan di sini, kita akan terus berusaha untuk menggesa badan atau negara-negara yang berkuasa senjata nuklear ini untuk terus mematuhi dan juga mereka menandatangani Perjanjian CTBT ini. Kita nampak mereka ini telah menunjukkan bahawa persetujuan untuk mengikuti CTBT ini, dan ini adalah satu perkara, cuma yang timbul sekarang ialah masalah mereka ini masih menjalankan ujian nuklear.

Setakat ini kita merasai boleh dikatakan memadaillah langkah-langkah yang kita ambil menerusi tekanan dan juga desakan-desakan menerusi forum-forum antarabangsa dan dengan negara-negara lain di dunia ini yang sama-sama juga mengancamkan ujian nuklear ini.

Tuan N. Marimuthu: Tuan Yang di-Pertua, satu masa dahulu kita telah mengambil tindakan yang begitu berkesan terhadap Negara Afrika Selatan. Saya syorkan jikalau respon Negara Perancis terhadap protes dan bantahan rakyat Malaysia tidak memuaskan, kita harus memulaukan barang-barang buatan Perancis peringkat demi peringkat.

Tuan Yang di-Pertua: Cadangankah atau soalan?

Tuan N. Marimuthu: Adakah setuju? Saya sendiri setuju. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Okaylah, kita jadikan satu soalan sama ada pihak Kementerian Luar Negeri bersetuju atau tidak dengan soalan itu?

Dr. Leo Michael Toyad: Terima kasih atas cadangan atau syor Ahli Yang Berhormat itu, kita ambil perhatian. Ianya mungkin satu cara, tetapi ini bukan perkara yang boleh dikatakan diambil tindakan secara bilateral atau pesendirian, kerana ini satu perkara yang melibatkan keseluruhan dunia, dan yang juga tanggungjawab secara global.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, cadangan yang menjadi soalan itu diterima?

Dr. Leo Michael Toyad: Tidak, cuma diambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua: Oh, diambil perhatian.

Tuan M.G. Pandithan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain daripada Perancis, saya ingin mendapat tahu daripada Timbalan Menteri, apakah pendapat atau sikap kerajaan terhadap negara-negara yang mempunyai stokpile senjata nuklear ini?

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, ini adalah diambil kira di dalam perjanjian untuk mengurangkan stokpile dan juga dalam usaha terus untuk mengurangkan kewujudan senjata nuklear ini di kalangan negara-negara yang mempunyai nuklear ini, adalah di dalam peringkat yang dikatakan perjanjian-perjanjian di bawah CTBT.

RUMAH PANGSA KOS RENDAH - DAFTAR PEMILIK

7. **Puan Faridah binti Abu Hassan** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) adakah beliau sedar bahawa rumah pangsa kos rendah adalah sangat kurang dibina oleh pemaju-pemaju perumahan swasta bagi membolehkan rakyat yang berpendapatan rendah dan sederhana terutamanya bumiputera memilikinya. Adakah cara lain yang membolehkan rakyat yang berpendapatan rendah dan sederhana memilikinya; dan
- (b) adakah kerajaan bercadang membuat suatu daftar pada masa akan datang supaya orang yang betul-betul layak sahaja yang memiliki rumah kos rendah ini dan seorang cuma dibenarkan memiliki sebuah rumah kos rendah sahaja di Malaysia. Adakah kerajaan telah dapat mengesan orang-orang yang memiliki lebih daripada sebuah rumah kos rendah, tidak kira sama ada kos rendah tersebut dibangunkan oleh kerajaan atau swasta.

Timbalan Menteri Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Peter Chin Fah

Kui]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) saranan pembinaan rumah kos rendah dalam Rancangan Malaysia Keenam ialah 343,800 unit. Dari jumlah tersebut sebanyak 217,000 unit adalah merupakan sasaran pihak swasta.

Sehingga 13hb. Disember, 1994 sektor swasta telah membina sebanyak 187,391 unit rumah kos rendah

atau 86.4% dari sasarannya. Bagi membolehkan golongan berpendapatan rendah dan sederhana memiliki rumah kos rendah, pihak kerajaan telah mengambil beberapa langkah. Di antaranya, mewujudkan dana RM500 juta untuk pinjaman dengan faedah rendah untuk membantu pemaju-pemaju perumahan mempercepat pembinaan rumah kos rendah. Kerajaan juga membantu pemaju perumahan membina rumah kos rendah dengan membolehkan pembangunan berbagai (mixed development) dan mengurangkan premium tanah untuk tujuan membina rumah kos rendah. Kerajaan juga menggalakkan pembinaan projek perumahan berkepadatan tinggi di bandar-bandar besar yang mempunyai masalah perumahan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, kerajaan bercadang menambah bekalan rumah kos rendah dan rumah kos sederhana rendah dengan cara yang lebih agresif.

- (b) Kerajaan sedang menyediakan Sistem Pendaftaran Terbuka yang seragam bagi mendaftar dan memilih bakal-bakal pembeli rumah kos rendah awam dan swasta untuk digunakan oleh kerajaan-kerajaan negeri bagi menentukan golongan yang layak sahaja mendapat kemudahan rumah kos rendah. Penjualan rumah kos

rendah sama ada dilaksanakan oleh kerajaan atau swasta adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Pemilihan pembeli rumah kos rendah kerajaan dibuat melalui temuduga dan pemilihan oleh sebuah jawatankuasa dan kemudiannya diluluskan oleh kerajaan-kerajaan negeri bagi memastikan rumah kos rendah dimiliki oleh golongan yang layak sahaja dan mengelakkan penyelewengan. Pengwujudan Sistem Pendaftaran Terbuka yang seragam bagi mendaftar dan memilih bakal pembeli rumah kos rendah kerajaan dan swasta akan memperbaiki lagi proses pemilihan ini.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, menurut jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, pencapaian sektor swasta ialah lebih kurang 86.4% dan saya percaya pencapaian sektor kerajaan mungkin lebih daripada 86% yang telah pun dicapai oleh swasta.

Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah pun merungut mengenai sasaran rumah kos rendah ataupun kos sederhana yang tidak mencukupi dan beliau telah pun menyalahkan pihak swasta. Tetapi dari segi kelulusan, yang meluluskan sesuatu projek ialah pihak kerajaan ataupun pihak majlis tempatan. Jadi, adakah pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan mengarahkan supaya pihak-pihak majlis tempatan, oleh kerana terlalu kurangnya rumah-rumah kos sederhana rendah, ditetapkan satu kuota supaya sekurang-kurangnya 50% daripada sesuatu projek itu

dikhaskan untuk rumah-rumah kos sederhana rendah?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pihak swasta ini telah mencapai satu kejayaan dalam pembinaan rumah kos rendah dan kalau kita bandingkan dengan apa yang dicapai oleh agensi-agensi kerajaan, ini bermakna pihak swasta telah dapat mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh agensi-agensi kerajaan dalam usaha ini.

Sebab itulah, pihak kerajaan sudah menggalakkan kerajaan-kerajaan negeri supaya dapat mengadakan lebih rancangan rumah kos rendah supaya pihak swasta dalam usaha ini, mengadakan campur tangan atau mengadakan lebih peluang daripada usaha ini. Ini termasuklah memperuntukkan tanah-tanah yang lebih sesuai supaya pembinaan rumah kos rendah ini dapat dipercepatkan kerana antara masalah yang dihadapi adalah tapak-tapak tanah itu tidak sesuai.

Mengenai kuota ini, kerajaan-kerajaan negeri ada yang sudah mengamalkan cara ini, ada juga yang belum dan memang ini satu cara yang kita galakkan di peringkat persekutuan di mana kita berharap jugalah pihak kerajaan-kerajaan negeri dan juga pihak swasta yang menjadi 'planning authority', dengan izin, mereka bolehlah mengadakan syarat-syarat seperti itu tetapi ini bukanlah satu syarat yang kita gunapakai kepada semua kerajaan-kerajaan negeri. Ini terpulanglah kepada kerajaan-kerajaan negeri sama ada mereka merasakan kuota ini dihadkan kepada 30% atau lebih, sebab mereka yang menjadi pihak yang berkuasa untuk merancang sesuatu projek rumah kos rendah.

Datuk Haji Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi mengatakan, kerajaan negeri ataupun penguasa tempatan boleh menentukan kuota-kuota tertentu untuk khususnya pihak swasta di dalam pelaksanaan, di dalam program pembangunan ataupun projek perumahan untuk kuota kos rendah. Soalannya, apa kata kalau pihak berkenaan tidak menyempurnakan kuota dengan berbagai alasan yang diadakan demi kepentingan business mereka dan sejauh mana kesan dan tindakan itu boleh diambil untuk memastikan perkara ini tetap dipatuhi?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab ini adalah satu syarat yang digunakan oleh pihak kerajaan negeri maka sama ada syarat-syarat ini diikuti atau diguna pakai sepenuhnya oleh pihak pemaju, saya rasa langkah itu adalah terpulang kepada pihak kerajaan negeri untuk mengkaji atau mengambil tindakan kalau perlu. Tetapi bagi pihak kementerian ini, pihak kerajaan menggalakkan supaya kalau ada syarat-syarat untuk membina rumah kos rendah ini sama ada dari segi kuota, harga atau berapa biliknya, kita minta kerjasama antara kerajaan negeri dengan kerajaan persekutuan supaya kita ada satu polisi yang seragam di seluruh negara.

INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI - ISU PENGKORPORATAN

8. Tuan Haji Zainal bin Md. Deros minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) apakah persetujuan yang telah dicapai di antara pihak kementerian dan badan pelajar mengenai isu pengkorporatan institusi pengajian tinggi di negara ini; dan
- (b) apakah maklumbalas yang₂₃telah diperolehi bersesuaian

dengan hasrat kementerian dan jika tidak apakah tindakan yang akan diambil seterusnya.

Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Mustapa bin Mohamed]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bagi pihak Menteri Pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, sila.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam pertemuan antara Menteri Pendidikan dengan badan-badan pelajar mengenai pengkorporatan adalah didapati bahawa pelajar-pelajar memahami hasrat kerajaan untuk mengkorporatkan institusi pengajian tinggi dan bersetuju kerajaan meneruskannya demi kebaikan pelajar. Pada keseluruhannya mereka berpandangan positif dan menyokong usaha kementerian dan kerajaan untuk mewujudkan kecemerlangan pendidikan di negara kita.

KENAIKAN HARGA BARANG - KAWALAN

9. Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan bagi memastikan kawalan kenaikan harga barang-barang, terutamanya, di musim-musim perayaan, dan dengan kenaikan gaji kakitangan kerajaan sebagaimana yang diumumkan oleh kerajaan baru-baru ini, berdasarkan dari kajian yang telah dibuat di dapati harga barang-barang keperluan telah pun melambung naik walaupun kerajaan belum lagi membayar tunggakan gaji kepada kakitangan kerajaan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan

Hal Ehwal Pengguna [Tuan Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua, kementerian sedar bahawa kenaikan harga barang-barang di negara-negara yang mengamalkan dasar ekonomi bebas seperti Malaysia tidak dapat dielakkan

sempurnanya kerana harga barang-barang adalah dipengaruhi oleh permintaan dan pengeluaran. Kenaikan harga barang-barang juga selalunya berhubungkait dengan musim perayaan dan kadangkala apabila ada kenaikan gaji dalam sektor awam.

Dalam hubungan ini, kementerian sentiasa mengawasi suasana pasaran dan perubahan harga barang-barang bagi menentukan tidak berlaku kenaikan harga sewenang-wenangnya oleh peniaga-peniaga yang tidak bertanggungjawab yang mengambil kesempatan untuk mengaut keuntungan berlebihan. Di antara langkah-langkah yang telah dan akan dilakukan oleh kementerian ialah:

- (i) mewartakan 25 jenis barang-barang sebagai barang-barang kawalan musim perayaan iaitu sebagai tambahan kepada 20 jenis barang-barang kawalan tetap. Dengan pengwartaan ini semua pengedaran dan urusanniaga barang-barang berkenaan adalah tertakluk dan dikawal selia di bawah kuat kuasa Akta Kawalan Bekalan, 1961;
- (ii) membuat monitoring kedudukan bekalan dan harga barang-barang perlu melalui kutipan harga yang dijalankan di seluruh negara. Ini bertujuan untuk mengawasi gerakan peralihan harga barangan dan sekiranya keadaan bekalan terjejas dan berlaku kenaikan harga siasatan segera boleh dijalankan dan tindakan sewajarnya dapat dilakukan untuk menstabilkan keadaan;

- (iii) mempertingkatkan pemeriksaan fiskal di setiap peringkat urusan niaga untuk menentukan peniaga-peniaga meletakkan tanda harga ke atas barangan yang dipamerkan untuk jualan. Menentukan tidak berlaku penyelewengan dalam urusan jualan murah, alat-alat timbang dan sukat yang sah digunakan serta telah ditentusahkan dan tindakan-tindakan berkaitan yang sesuai;
- (iv) mengadakan perbincangan dengan syarikat-syarikat pembekal, agensi-agensi kerajaan dan persatuan-persatuan peniaga untuk mendapatkan komitmen mereka bagi menentukan bekalan barang-barang keperluan di bawah kawalseliaan mereka mencukupi dan harganya berpatutan;
- (v) meminta kerjasama agensi-agensi kerajaan yang terlibat seperti FAMA, Jabatan Perkhidmatan Haiwan, LKIM dan Pernas turut membekalkan secara runcit barang-barang keperluan di bawah kawalseliaan mereka sebagai stabilizing factor, dengan izin, sekiranya didapati keadaan bekalan dan harga barang-barang di pasaran tidak stabil;
- (vi) memperingatkan para pengguna supaya membuat persediaan awal bagi menyambut perayaan. Jangan berbelanja berlebihan dan mengelakkan pembelian di saat-saat akhir yang mana boleh menyebabkan bekalan barang-barang keperluan terjejas dan harga meningkat; dan

(vii) meminta para pengguna memberi maklumat dan membuat aduan kepada kementerian sekiranya terdapat peniaga-peniaga yang menyorok atau menaikkan harga barang-barang keperluan supaya tindakan sewajarnya dapat dilakukan.

Puan Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya berterima kasih di atas penjelasan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi dan kita tahu bahawa kementerian menjalankan usaha-usaha untuk mengatasi inflasi dengan mengadakan kedai harga patut dan juga pembelian di awal minggu. Tetapi ada kita dapati bahawa kedai-kedai harga patut ini pun mempunyai harga barangan yang berbeza, walaupun barangnya sama tetapi mempunyai harga yang berbeza di antara satu kedai dengan satu kedai yang lain dan perbezaan ini adalah perbezaan harga yang amat besar sehingga bukan sahaja melibatkan sen tetapi hingga kepada angka ringgit. Saya ingin bertanya kepada kementerian adakah pihak penguatkuasa kementerian mencukupi dan juga dapat mengawal selia harga-harga barangan ini di semua peringkat oleh kerana kita dapati di kedai harga patut sendiri pun ada harga yang kita tidak tahu mana satu yang patut?

Tuan Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, kewujudan kedai harga patut adalah satu usaha untuk membendung inflasi sifar. Berkenaan masalah pertanyaan harga yang banyak berbeza di antara kedai harga patut dengan kedai biasa, setakat ini kementerian saya tidak dapat apa-apa aduan dari orang ramai, jadi, kalau Yang Berhormat boleh memberi butir-butir yang spesifik kepada saya atau kementerian saya, saya akan mengambil perhatian. Memang benar penguatkuasa kementerian saya tidak cukup tetapi mereka telah menjalankan tugas dengan baik dan kementerian saya sedang memohon penambahan kakitangan dan sehingga kini belum mendapat kelulusan dari kerajaan pusat.

Saya boleh memberi jaminan bahawa pegawai penguatkuasa kementerian saya sentiasa menjalankan pemeriksaan ke atas kedai-kedai harga patut.

Tuan Ng See Tiong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di samping 20 jenis barang keperluan yang diwartakan sebagai barang kawalan tetap, adakah kementerian Yang Berhormat mencadangkan barang-barang keperluan tambahan supaya dijadikan barang kawalan tetap?

Tuan Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana memberi perhatian di atas barang-barang kawalan tetap. Ini adalah satu cara untuk mengatasi inflasi. Kementerian saya sedang membuat kajian dan akan menyediakan satu senarai barangan keperluan harian tambahan yang akan diletakkan di bawah harga kawalan melalui undang-undang atau secara pentadbiran.

Untuk makluman Yang Berhormat, senarai baru ini sebahagian besar membabitkan barangan keperluan golongan berpendapatan rendah atau sederhana. Senarai ini akan diserahkan kepada Jawatankuasa Kabinet mengenai barang perlu untuk perbincangan sebelum keputusan dibuat oleh kerajaan.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Saya ingin penjelasan pihak kerajaan, ada bezakah di antara makanan untuk orang rendah dan orang tinggi - orang kaya?

Tuan Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, ini satu soalan yang, saya ingat sebenarnya tidak ada beza makanan di antara orang kaya dengan orang miskin atau berpendapatan rendah. Memanglah orang kaya, dia ada wang, dia boleh beli barang-barang mewah. Inilah yang tidak dapat dikawal oleh kementerian saya tetapi kementerian saya selalu menjaga kepentingan pengguna-pengguna yang berpendapatan rendah atau sederhana. *[Ketawa]*

INSTITUT KEMAHIRAN MARA/GIAT MARA - PERANAN DALAM MENANGANI MASALAH KEKURANGAN TENAGA MAHIR

10. **Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan apakah rancangan kementerian bagi membolehkan Institut Kemahiran MARA (IKM) dan Giat Mara memainkan peranannya secara berkesan menangani masalah kekurangan tenaga mahir termasuk dalam bidang teknologi tinggi yang amat perlu untuk mencapai negara maju berasaskan hasrat Wawasan 2020.

Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Mustapa bin Mohamed]:

Tuan Yang di-Pertua, melalui Institut Kemahiran MARA dan Giat Mara, Kementerian Pembangunan Usahawan menyumbang kepada usaha menyelesaikan masalah kekurangan tenaga mahir termasuk dalam bidang teknologi tinggi yang diperlukan bagi mencapai taraf negara maju.

Setakat ini, IKM telah mengeluarkan 45,819 graduan, manakala Giat Mara telah mengeluarkan 29,226 orang graduan. Program Latihan Kemahiran adalah dilaksanakan pada tiga tahap iaitu tahap asas dan separa mahir, tahap mahir dan tahap tinggi.

Latihan di bidang teknologi tinggi dijalankan oleh tiga buah institut pada masa ini iaitu German Malaysian Institute, Tuas Politeknik dan Malaysian-France Institute. Penubuhan IKTM ini adalah secara usahasama dengan negara-negara luar untuk memastikan pemindahan teknologi khususnya dari negara tersebut dapat dibuat dengan berkesan. Bidang kemahiran yang diberi keutamaan termasuklah teknologi komunikasi, teknologi maklumat, petrokimia, elektronik dan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, beberapa bidang baru akan dikenal pasti.

Tuan Yang di-Pertua, latihan di peringkat tenaga mahir dijalankan menerusi 12 buah IKM yang sedia ada dan akan diperluaskan dengan pemindahan beberapa buah lagi dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Selain kursus yang dijalankan secara dalaman dan di luar institusi, latihan usahasama dengan syarikat dan pihak tertentu juga dijalankan oleh IKM tersebut misalnya dengan Petronas, BMW, Toyota, ESSO, Airod, UTM dan baru-baru ini dengan Master Carriage.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai latihan di peringkat asas dan separa mahir, ianya disediakan melalui 112 buah pusat Giat Mara. Berbagai aktiviti seperti kelas formal di siang hari, kelas malam untuk golongan yang bekerja dan kelas sambilan dianjurkan oleh pihak Giat Mara.

Pihak Kementerian Pembangunan Usahawan bercadang meningkatkan lagi kemampuan institusi-institusi ini di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh

bagi memenuhi keperluan sektor pembuatan yang pesat berkembang.

Puan Kamalia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin penjelasan tentang bidang teknologi tinggi sama ada selain daripada apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri untuk kita meningkatkan lagi kemahiran dalam teknologi tinggi, adakah pihak kementerian juga bercadang untuk mewujudkan industri-industri yang mana teknologi tinggi itu akan dibuat secara pemindahan dan bukan sekadar hanya untuk dibuat sebagai latihan?

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Usahawan tidak terlibat dalam menubuhkan kilang-kilang ataupun industri. Kita terlibat antara lain untuk menyediakan peluang-peluang latihan. Dalam pada itu, ingin ditekankan bahawa latihan yang ditekankan ialah, dengan izin, hands on, iaitu latihan secara praktikal di mana umpamanya institut kemahiran tinggi MARA termasuklah pada masa ini German-Malaysian Institute dan Tuas Politeknik, penekanan diberi kepada latihan yang berbentuk praktikal. Dengan lain perkataan, bukan sahaja kuliah diberikan tetapi pelajar-pelajar diberi pendedahan kepada practical experience, dengan izin, di kilang-kilang tertentu dalam bidang elektronik, telekomunikasi dan teknologi maklumat.

DANA KAJIAN PELABURAN NEGARA KETIGA - KESAN TERHADAP PERKEMBANGAN EKONOMI NEGARA

11. **Tuan Abdul Rashid bin Ismail** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:-

- (a) apakah kementerian beliau sudah mengkaji mengenai kesan terhadap perkembangan ekonomi negara berikutan penubuhan dana kajian kemungkinan negara ketiga Malaysia, Singapura yang berjumlah RM5 juta; dan
- (b) adakah ahli-ahli perniagaan Malaysia akan dapat merebut peluang perniagaan yang lebih berbanding dengan ahli-ahli perniagaan Singapura ekoran penubuhan dana kajian tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein]: Tuan Yang di-Pertua, memorandum persefahaman di antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Republik Singapura bagi menubuhkan Tabung Kajian Kemungkinan Pelaburan Malaysia-Singapura ke negara ketiga berjumlah RM5 juta ini baru sahaja ditandatangani pada 7hb. November yang lepas. Oleh yang demikian, adalah terlalu awal bagi MITI untuk membuat kajian bagi kesannya terhadap pembangunan ekonomi negara.

Walau bagaimanapun, untuk makluman Dewan yang mulia ini, tujuan penubuhan dana ini adalah pertamanya untuk mengenal pasti dan memajukan bidang kerjasama di antara sektor swasta Malaysia dengan Singapura di negara ketiga. Kedua, menggalakkan sektor swasta Malaysia dan Singapura untuk sama-sama meninjau peluang-peluang perniagaan di negara-negara ketiga. Menggalakkan dan memajukan hubungan perdagangan di antara Malaysia/Singapura di negara ketiga. Mengenal pasti peluang perniagaan di negara ketiga bagi enterprise swasta terutamanya enterprise kecil dan sederhana daripada kedua-dua negara dengan menggunakan kepakaran syarikat daripada Malaysia dan Singapura dan akhir sekali untuk meningkatkan pertukaran rangkaian dan maklumat di antara sektor swasta Malaysia dan Singapura, dengan itu membolehkan suatu persefahaman yang lebih baik mengenai sifat saling melengkapi di antara satu sama lain dan juga bidang berkerjasama yang berpotensi.

Tabung ini akan membiayai kajian kemungkinan sahaja dan sama ada ia akan mencetuskan pelaburan di luar negeri tidak dapat dipastikan. Tabung bersama ini akan membiayai sehingga 50% perbelanjaan layak kajian-kajian tersebut tertakluk kepada had maksimum RM200,000 bagi kajian sasaran ketekunan wajar yang tertentu dan had maksimum RM100,000 bagi kajian pencarian proaktif.

Tuan Yang di-Pertua, tabung bersama ini ialah bagi syarikat-syarikat swasta Malaysia dan Singapura membuat kajian bersama ke atas peluang-

peluang pelaburan dan perniagaan di negara-negara ketiga. Oleh itu, syarikat-syarikat Malaysia yang memohon tabung ini mestilah menyatakan rakan kongsi mereka dari Singapura dan begitu juga sebaliknya bagi permohonan daripada syarikat-syarikat Singapura. Oleh itu, isu mengenai siapakah yang akan mendapat lebih faedah adalah tidak timbul oleh sebab ianya bergantung kepada perjanjian usahasama atau joint-venture agreement, dengan izin, antara pihak-pihak berkenaan berasaskan keperluan perniagaan.

INTERNATIONAL COURT OF JUSTICE - ISU KONTROVERSIL DAN SAMBUTAN PIHAK PBB

12. **Datuk Maidom P. Pansai** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah sambutan pihak PBB terhadap cadangan Malaysia supaya menggunakan International Court of Justice (ICJ) sebagai asas untuk penyelesaian ke atas apa jua isu 'controversial' dan bukan hanya terbatas kepada perkara-perkara yang dianggap 'relevant' dan 'applicable' sahaja.

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, Mahkamah Antarabangsa atau International Court of Justice, dengan izin, sebagai satu dari enam badan utama merupakan organ perundangan utama Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Dalam kenyataan Malaysia di sesi pleno Perhimpunan Agung PBB pada 12hb. Oktober 1995, apa yang sebenarnya dicadangkan adalah supaya Majlis Keselamatan dan Perhimpunan Agung badan dunia ini menggunakan Mahkamah Antarabangsa secara lebih meluas dan berkesan terutamanya bagi mendapatkan nasihat perundangan, interpretasi undang-undang antarabangsa yang sesuai dan juga merujuk keputusan-keputusan yang controversial, dengan izin, untuk ulasan mahkamah ini dan bukannya sebagai asas untuk penyelesaian apa jua isu yang kontroversil.

Kenyataan ini harus dilihat dalam perspektif keperluan untuk PBB diubah suai dan disusun semula. Malaysia berpandangan bahawa usaha-usaha ke arah penyusunan semula PBB sepatutnya meliputi kesemua organ utamanya termasuk Majlis Keselamatan Perhimpunan Agung dan juga Mahkamah Antarabangsa.

Sehubungan dengan ini, Malaysia juga telah menggesa supaya keanggotaan Mahkamah Antarabangsa ditambah supaya ianya lebih mewakili keanggotaan PBB secara umumnya dan juga supaya lebih prihatin kepada keperluan masyarakat antarabangsa. Kita percaya, usaha-usaha sedemikian akan membolehkan badan ini memainkan peranannya dengan lebih berkesan ke arah mengembangkan undang-undang antarabangsa dan juga keadilan.

Presiden Mahkamah Antarabangsa, Mohamad Bajui di dalam ucapan beliau di dalam Jawatankuasa Keenam Perhimpunan Agung PBB pada 16hb. Oktober 1995 telah mengakui bahawa Mahkamah Antarabangsa sekarang ini tidak digunakan sepenuhnya. Beliau juga telah menggesa supaya Mahkamah Antarabangsa ini digunakan secara lebih kerap oleh negara-negara anggota PBB, Majlis Keselamatan dan juga Perhimpunan Agung.

Jadi, usaha-usaha ke arah ini masih lagi di peringkat permulaan dan perbincangan berhubung dengan isu ini juga telah pun bermula dan diharapkan akan dapat menghasilkan kesan positif untuk mencapai objektif meningkatkan keberkesanan PBB keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian pertanyaan-pertanyaan bagi jawab mulut.

[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 13 hingga 47 akan dimasukkan dalam naskhah bercetak kelak]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1995)
(No. 2) 1995****Bacaan Kali Yang Kedua**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” *[13 Disember 1995]*

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Ding Seling, sila sambung.

3.42 ptg.

Tuan Ding Seling: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas peluang yang diberikan kepada saya untuk menyambung ucapan saya mengenai Rang Undang-undang Perbekalan (1995)(No. 2) 1995 yang terpaksa tertangguh di akhir masa Dewan yang mulia ini semalam.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedang bercakap mengenai kemiskinan. Walaupun kemiskinan memang wujud di kalangan semua rakyat dan semua kaum dalam masyarakat Malaysia ini, tanpa mengira warna atau kepercayaan, tetapi saya sudah menggunakan dan sudah sebut orang Penan dalam ucapan saya, oleh kerana saya kenal mereka benar-benar dan saya tahu bahawa mereka memanglah orang miskin, lebih daripada 90% yang betul-betul miskin dan juga mudah menjadi miskin dan menjadi mangsa kemiskinan. Saya tahu juga mereka tidak akan merasa tersinggung oleh kerana saya sentuh mereka sebagai misalan orang miskin kerana mereka memanglah orang miskin.

Tuan Yang di-Pertua, saya be liable, dengan izin, ataupun menyentuh

perkara kemiskinan ini dengan sebegitu cara oleh kerana saya ingin menyeru kepada pihak kerajaan supaya mengambil perhatian agar setiap tahun, setiap langkah yang kita ambil untuk membangunkan ekonomi negara kita ini, hendaklah menentukan bahawa kemiskinan adalah merupakan satu daripada sasaran yang harus kita hapuskan.

Kita sudah tahu bahawa dalam sejarah dunia ini, negara Perancis yang sekarang megah sekali untuk menonjolkan kebolehan mereka dalam nuklear, pada satu abad dahulu iaitu abad ke-18 dahulu, orang-orang miskin dalam negara Perancis telah memberontak dan membunuh secara besar-besaran iaitu orang-orang yang kaya-raya dan orang-orang golongan bangsawan di negara itu. Ini adalah kerana orang-orang di negara itu, pemimpin-pemimpin mereka tidak mengambil berat tentang orang-orang miskin. Kemungkinan sikap yang begitu juga masih lagi diwarisi oleh orang Perancis sekarang, maka kita dengar dalam jawapan pihak kementerian tadi, sikap orang Perancis terhadap rayuan kita untuk memberhentikan ujian nuklear.

Tuan Yang di-Pertua, setakat itu sahaja saya ingin sentuh mengenai kemiskinan. Seterusnya saya ingin menyentuh sedikit-sebanyak mengenai rang undang-undang yang kita bincangkan ini iaitu dalam Maksud B.1 dan B.7 mengenai Parlimen yang diperuntukkan sebanyak RM7.5 juta dan Maksud B.7 - Jabatan Perdana Menteri yang telah diperuntukkan sebanyak RM65.4 juta.

Sehubungan dengan ini, saya ingin hendak membuat satu cadangan, sebenarnya sokongan seperti yang telah dicadangkan oleh beberapa Ahli Dewan yang mulia ini semalam iaitu supaya kerajaan memperuntukkan

kepada Ahli Dewan Negara yang untuk projek-projek kecil di luar-luar bandar, khususnya bagi kita yang mewakili penduduk luar bandar, apabila kita pergi melawat ke tempat-tempat pedalaman, kita sering diminta untuk membantu di dalam projek ini, itu dan sebagainya. Kalau kerajaan tidak memperuntukkan bagi kita, maka susahlah kita setiap kali mengatakan tidak boleh dan akhirnya mungkin pihak yang memohon, khususnya orang-orang dari luar bandar itu yang biasanya orang miskin juga mungkin akan membentuk satu sikap mengatakan wakil mereka tidak mengambil berat tentang kedudukan mereka. Jadi dengan itu, saya ingin merayu kepada kerajaan supaya mempertimbangkan dan memberi peruntukan bagi Ahli-ahli Dewan Negara seperti juga yang ada bagi Ahli Dewan Rakyat yang terpilih, walaupun kita bukan terpilih.

Kedua, mengenai Maksud B.1 dan B.7 ini, saya ingin mencadangkan juga, apabila kita di dalam Dewan Negara ini bercakap, biasanya kita akan bercakap secara general, dengan izin, atau secara am walaupun ada yang mempunyai pengetahuan khusus berdasarkan profesionalisme mereka sendiri, tetapi apabila kita bercakap mengenai polisi-polisi kerajaan, nampaknya kita akan bercakap secara am. Saya ingin cadangkan di sini, sama ada kerajaan boleh menjadikan satu cara di mana beberapa Ahli Dewan Negara supaya ada hubungan khusus dengan sesuatu kementerian di mana Ahli Yang berkenaan akan mempunyai hubungan dan interaksi rapat dengan kementerian-kementerian tertentu yang mana beliau dianggap sebagai adopted member, dengan izin, bukan sebagai pegawainya, tetapi sebagai seorang ahli ataupun Ahli Parlimen yang mempunyai interaksi secara langsung dengan kementerian itu supaya apa-apa isu dalaman, isu-isu pentadbiran ataupun isu-isu negara yang dihadapi oleh kementerian tersebut bolehlah dibincang secara langsung dengan Ahli yang berkenaan supaya apabila beliau, mungkin dalam Dewan yang mulia ini atau tempat-tempat yang lain

oleh sesuatu kementerian itu, beliau bolehlah membincangkannya dengan lebih intelligent lagi, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh Maksud B.18 iaitu Kementerian Perusahaan Utama. Di sini, saya ingin menggambarkan kepada Dewan yang mulia ini, kalaulah kita pergi ke tempat-tempat pedalaman di mana adapembalakan berlaku, iaitu kayu ditebang dan yang baik dan ada nilai komersil diambil untuk dijual ataupun diproses, maka kita lihat ada banyak apotongan-potongan kayu yang tertinggal yang menjadi waste, dengan izin.

Apabila orang-orang tempatan ingin menggunakan kayu-kayu itu untuk dibelah untuk menjadi papan yang boleh digunakan oleh mereka, biasanya orang-orang yang membalak di situ atau syarikat-syarikat besar yang membalak di situ menahan ataupun melarang mereka dan mereka akan mengatakan pihak Jabatan Perhutanan ataupun kementerian tidak mengizinkan sesiapa pun untuk menggunakan kayu-kayu yang dipotong atau yang ditinggalkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun perkara ini remeh-temah tetapi perkara ini sebenarnya ada dua isu yang saya nampak, iaitu pertama sekali potongan kayu itu tertinggal sahaja, jadi tidak sesiapa pun yang untung daripadanya dan ini sebagai satu resource yang tidak digunakan. Kalau kita lihat di negara seperti Taiwan, kita lihat daripada dahan sampai ke akar kayu yang kecil pun boleh digunakan. Oleh kerana kita kaya raya dengankayu ataupun pokok-pokok yang begitu banyak, apakah kita tidak membenarkan orang-orang tempatan untuk menggunakan potongan yang telah ditinggalkan dan syarikat yang besar itu tidak menggunakannya lagi dan apakah orang tempatan tidak dibenarkan mengambilnya.

Saya merayu kepada Kementerian Perusahaan Utama ini supaya mengeluarkan satu arahan, kalau tidak pun undang-undang supaya potongan

kayu-kayu yang tertinggal itu bolehlah digunakan kalau orang-orang tempatan mahu menggunakannya.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dalam pengalaman saya banyak orang tempatan yang mahu menggunakannya tetapi syarikat berkenaan mengatakan tidak boleh oleh kerana mereka takut orang tempatan itu bukan sahaja mengambil potongan yang tertinggal tadi tetapi akan mengambil yang baru ataupun yang mereka guna. Dengan kata yang lain mereka menganggap orang tempatan tidak bermoral untuk mencuri. Ini adalah satu anggapan, satu sikap yang sebenarnya menyinggung perasaan orang tempatan oleh kerana, pertama, mereka tidak dibenarkan menggunakan kayu dan seterusnya dituduh pula sebagai orang yang tidak bertanggungjawab yang akan mencuri barang-barang yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyuarakan perkara ini bukanlah dari fikiran saya sendiri tetapi saya telah beberapa kali dihubungi mengenai perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh Maksud B.26 iaitu mengenai Kementerian Pendidikan. Di sini sebenarnya saya ingin merakamkan berbilang terima kasih kepada Kementerian Pendidikan kerana mulai daripada tahun ini ada sebuah sekolah di tempat orang Penan yang akan bermula, iaitu Sekolah Rendah Batu Bungan. Sekolah Rendah Batu Bungan ini terletak berhampiran Gua Mulu dan kalau ada sesiapa dalam Dewan yang mulia ini ataupun dari Semenanjung kalau pergi melawat Gua Mulu pasti akan melihat Sekolah Rendah Batu Bungan itu nanti.

Saya di sini ingin mengucapkan banyak terima kasih kepada Kementerian Pendidikan kerana telah mengadakan sebuah sekolah rendah khusus untuk anak-anak orang Penan walaupun ianya juga terbuka kepada anak-anak orang tempatan di situ.

Tuan yang di-Pertua, untuk menyeleweng sedikit, Batu Bungan ini merupakan sebuah rumah orang Penan yang telah menetap sebagai orang Dayak yang lain tetapi Batu Bungan itu kalaulah tuan-tuan hendak pergi ke situ nanti, bacalah cerita mengenai Batu Bungan itu kerana ia adalah satu cerita yang begitu menarik. Di sini tak payahlah saya bercerita mengenai perkara itu oleh kerana ramai lagi rakan saya yang hendak bercakap mengenai bil ini tetapi saya tinggalkanlah cerita itu kerana mungkin ada yang tertarik untuk mendengar cerita itu, pergilah ke Mulu.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh Maksud B.35 iaitu mengenai Kementerian Dalam Negeri yang diperuntukkan RM3.7 juta. Sehubungan dengan ini, soal jawab tadi kita telah mendengar pihak kementerian untuk bercakap mengenai pendaftaran pengundi di dalam negara kit aini sama ada berterusan atau di sebaliknya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kes Sarawak saya tidak putus-putus menyatakan kes Sarawak. Untuk mendaftarkan pengundi, seperti yang kita sedia maklum kita perlukan kad pengenalan. Jadi, dalam hubungan itu saya ingin mencadangkan supaya Kementerian Dalam Negeri meneruskan usaha yang baik yang telah dilakukan beberapa tahun yang lalua untuk mendaftarkan orang-orang di kawasan-kawasan untuk mendapatkan kad pengenalan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam beberapa bulan yang lalu saya telah beberapa kali melawat di hulu-hulu, saya sangat tercengang apabila mendapati orang-orang tua - nenek tidak mempunyai kad pengenalan. Oelh yang demikian, apabila mereka ini sakit mereka tidak boleh masuk hospital oleh kerana apabila pergi ke klinik atau hospital kita ditanya mana kad pengenalan. Apabila tidak ada kad pengenalan maka klinik atau hospital pun tidak dapat mendaftarkan kita. Dalam kes begitu adalah orang yang sebenarnya teraniaya oleh kita oleh kerana secara tidak langsung merek abelum lagi mendapat kad pengenalan. Orang yang saya maksudkan itu bukannya orang asing dan sebenarnya saya kenal mereka itu sebagai orang kampung saya sendiri tetapi apa yang terjadi beberapa tahun yang telah lalu, mereka tidak mendapat kad apengenalan, ini termasuk orang-orang dewasa dalam lingkungan umur 30-an yang tidak menjadi pengundi kerana tidak mempunyai kad pengenalan. Jadi, saya ingin merayu semuala supaya Jabatan Pendaftaran Negara meneruskan usaha yang baik yang telah dilakukan beberapa tahun yang lalu untuk mendaftarkan penduduk-penduduk termasuklah orang Penan yang susah kita hendak mendapatkan mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu saya sekali menyokong Rang Undang-undang. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Hajah Rahaiah.

3.58 ptg.

Puan Rahaiah binti Baهران: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Saya bangun untuk menyokong Akta Perbekalan Tambahan 1995 dan di

masa yang sama saya turut serta untuk memberi pandangan di atas beberapa perkara. Pertamanya di bawah kepala B.1 - Parlimen, di mana saya merasakan sedikit kekurangan pada hari ini bahawa kekurangan yang saya sebutkan ini adalah, benar kita mempunyai seorang Yang di-Pertua yang arif yang sentiasa berjaya memimpin kita semasa menjalankan persidangan tetapi Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mempunyai seorang Timbalan Yang di-Pertua yang rasmi (official).

[Tuan Ding Seling *mempengerusikan Mesyuarat*]

Di sini saya mencadangkan supaya ianya diisi dan pertimbangan sewajarnya hendaklah diberi supaya jawatan tersebut dapat dipertanggungjawabkan kepada seorang wanita. Saya berpendapat Dewan yang mulia ini akan lebih berseri kalau kadang-kala seorang wanita duduk di kerusi Yang di-Pertua sebagaimana meriahnya “The House of Commons” di United Kingdom dengan Speaker wanitanya.

Tuan Yang di-Pertua, di atas perkara yang sama saya ingin juga menyarankan supaya kerusi Dewan Negara ini dipertimbangkan juga kepada individu-individu yang ada pengalaman di dalam bidang-bidang pentadbiran dan urusan Parliman supaya kekurangan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali semalam dapat kita tangani.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh peranan Kementerian Pendidikan di dalam gerakan koperasi sekolah di Malaysia. Terlebih dahulu saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan yang begitu prihatin terhadap sumbangan gerakan

koperasi kepada pembangunan diri penuntut dan kepada pendidikan itu sendiri, sehinggakan baru-baru ini beliau membantu pihak Gerakan Koperasi Negara menghantar perwakilan ke Perhimpunan Belia-belia Koperasi Seluruh Dunia di Loughborough, United Kingdom dan sempena perayaan 100 Tahun Ikatan Koperasi Antarabangsa pada 1hb. September, 1995 yang lalu. Tuan Yang di-Pertua, ketiga-tiga wakil muda di kalangan pelajar ahli koperasi sekolah Malaysia itu telah pun dapat berbincang dan memberi gambaran yang amat baik dan cemerlang di atas pencapaian gerakan koperasi sekolah di negara kita. Perhimpunan tersebut telah pun mengambil beberapa idea dan contoh-contoh untuk diteladani oleh negara-negara peserta yang lain.

Kami ahli-ahli perwakilan yang dewasa amat berbangga di atas pencapaian mereka dan percaya bahawa gerakan koperasi-koperasi sekolah kita merupakan salah satu contoh koperasi belia yang terbaik di seluruh dunia. Syabas saya ucapkan kepada Kementerian Pendidikan.

Seterusnya di dalam pencapaian ini...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah binti Baheran, nanti sekejap. Menurut Peraturan 6(3) Dewan Negara, saya dengan hormatnya menjemput Yang Berhormat Tuan Ding Seling untuk mempengerusikan Mesyuarat.

[Tuan Ding Seling *mempengerusikan Mesyuarat*]

Puan Hajah Rahaiah binti Baheran: Tuan Yang di-Pertua, di dalam pencapaian ini, cuma satu sahaja yang terkilang di hati saya kerana apabila saya menceritakan sebagai wakil wanita, bagaimana gerakan koperasi Malaysia

meningkatkan penglibatan wanita dalam gerakan koperasi negara dari peringkat sekolah lagi, iaitu kini di negara kita tercatat bahawa penglibatan koperator wanita di sekolah-sekolah melebihi angka 50%; saya dapat menyampaikan cerita itu sendiri. Tetapi malangnya, wakil koperasi sekolah negara kita Malaysia telah tidak dipilih untuk mewakili perhimpunan belia tersebut kerana wakil kita tidak begitu yakin untuk menyampaikan rumusan perhimpunan belia tersebut di dalam bahasa Inggeris. Oleh itu, wajar benarlah penuntut kita diberi pendidikan di dalam bahasa itu.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, di atas pengalaman tadi, nyata bahawa gerakan koperasi sekolah kita amat berjaya walaupun penyampaian bahasa Inggeris bagi penuntut tadi perlu dipertingkatkan. Pada pandangan saya, di belakang setiap koperasi sekolah yang berjaya ada ramai guru koperasi yang gigih dan dedikasi dan kadangkala pula hampir putus asa kerana masalah perkhidmatan yang agak sukar untuk mereka atasi, kerana setakat ini semuanya urusan berkenaan dengan gerakan koperasi sekolah adalah di atas budi bicara pengetua sahaja. Saya cadangkan bahawa Kementerian Pendidikan meneliti dan mengkaji agar perkhidmatan guru-guru ini diberi pengiktirafan dan penilaian yang sewajarnya. Mereka haruslah diberi kemudahan supaya dapat memberi tumpuan yang sewajarnya kerana membimbing penuntut mentadbirkan koperasi mengikut kehendak-kehendak Akta Koperasi dan kaedah-kaedah koperasi memerlukan masa yang panjang. Mereka bukan sahaja harus diberi masa yang berpatutan tetapi khidmat mereka di dalam gerakan koperasi ini diberi mata ataupun markah untuk menilai prestasi mereka

sebagaimana penilaian diberi kepada aktiviti-aktiviti kokurikulum yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga tertarik dengan tambahan kepada Kementerian Pembangunan Usahawan. Ini menunjukkan bahawa kementerian baru ini memang berdaya maju dan kita memang menaruh penuh harapan supaya program-program mewujudkan masyarakat perdagangan perindustrian khususnya untuk bumiputera dan juga untuk wanita dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Buat akhirnya, saya ingin mencadangkan Kementerian Pembangunan Luar Bandar juga dapat membantu penduduk-penduduk di daerah luar bandar itu supaya dapat menikmati kemudahan telefon, kalau pun tidak kurang daripada harga tetapi biarlah sama dengan pekan-pekan kecil yang berhampiran dengan kampung-kampung tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, ini mungkin kerana kadar pembayaran telefon dibayar mengikut kawasan tetapi tentu tidak sukar bagi kementerian menyelaraskan supaya tidak timbul caj minimum telefon di Kampung A misalnya lebih tinggi ataupun berganda tingginya daripada Pekan M yang jaraknya hanya 2 kilometer antara satu sama lain. Di masa yang sama, saya juga ingin menyarankan supaya dalam pemberian kemudahan infrastruktur di kampung-kampung kita tidak terlalu ghairah untuk membuat satu titi itu tiap-tiap tiga tahun sekali. Contohnya, kalaulah katakan penduduk memerlukan titi daripada kayu yang harganya RM8,000; jadi kalau dibuat daripada kayu setiap tiga tahun kita kena ganti. Tetapi kalaulah Kementerian Pembangunan Luar Bandar ini memikirkan dan menghitung kalau dibuat titi

konkrit misalannya, tentulah dapat bertahan sampai 10 tahun dan lain-lain. Jadi, inilah saya minta Kementerian Pembangunan Luar Bandar membuat pertimbangan sewajarnya supaya pembaziran dan juga permohonan orang-orang di luar bandar ini dapat dipertimbangkan dengan begitu baik.

Jadi, itulah sahaja Tuan Yang di-Pertua cadangan saya dan saya akhiri dengan ucapan terima kasih jua.

Tuan Ding Seling: Yang Berhormat Datin Hajah Wan Intan bin Ahmad Tajuddin.

4.07 ptg.

Datin Hajah Wan Intan binti Wan Ahmad Tajuddin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk menyokong Akta Perbekalan Tambahan 1995 dan tidak ada banyak perkara yang hendak saya sentuh. Hanya satu dua perkara sahaja yang ingin saya sentuh iaitu tentang Akta Perbekalan Tambahan 1995, Perkara 2 seperti di Jadual (Seksyen 2), saya ingin mendapat penjelasan tentang peruntukan B.7 Jabatan Perdana Menteri sebanyak RM65,436,854 dan B.26 Kementerian Pendidikan sebanyak RM12,780,000. Mengapa perbelanjaan di Jabatan Perdana Menteri di mana terdapatnya para pegawai yang mahir dalam perancangan negara melebihi anggaran belanjawan yang dibuat? Mengapa para perancang kita membuat anggaran perbelanjaan yang tidak tepat? Kalaulah tidak cukup RM1 juta atau RM2 juta, tidak apalah, kita faham. Tetapi lebih RM60 juta, bukan satu amaun yang kecil.

Begitu juga dengan Kementerian Pendidikan yang memutuskan idea Zero Defect, dengan izin, atau 'Tanpa Kecacatan' tetapi anggarannya juga

tidak cukup, lebih RM12 juta pula. Kalau tambahan ini diguna semata-mata untuk membina sekolah baru, oh bukan main seronok, kita semua di sini berasa gembira. Tentulah guru-guru dan anak-anak sekolah pun merasa meriah tetapi saya takut dan bimbang wang tambahan ini untuk bayar penyelenggaraan bangunan sahaja, yang kerjanya tidak memuaskan. Bolehlah dikatakan semua guru besar dan semua pengetua sekolah banyak yang tidak puas hati. Saya harap Menteri Pendidikan mengambil perhatian serius tentang peruntukan ini dan kerja-kerjanya.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Ding Seling: Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Salam bin Awang.

4.09 ptg.

Tuan Haji Abdul Salam bin Awang: Bismillahir-Rahmanir-Rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk bincang bersama dalam Rang Undang-undang Akta Perbekalan Tambahan (1995)(No. 2) 1995.

Peruntukan ini membabitkan peruntukan sebanyak RM160.6 juta. Peruntukan ini perlu diluluskan untuk tindakan kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan yang berkenaan seperti tercatat di atas Jadual (Seksyen 2).

Kita sedar bahawa kerajaan kita telah dan sedang melaksanakan aneka program bagi membangunkan ekonomi negara. Dalam hal ini saya suka mengesyorkan beberapa cadangan kepada kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan tertentu.

Yang pertama, Maksud B.1 - Parlimen yang membawa peruntukan RM7.5 juta. Saya cadangkan supaya bangunan Parlimen ini diubahsuai

supaya mencerminkan bahawa negara kita telah mencapai satu imej negara yang begitu cemerlang lagi membangun yang begitu istimewa sekali dan dapat menandingi negara-negara yang telah pun jauh maju.

Merujuk Maksud B.7 - Jabatan Perdana Menteri iaitu peruntukan sebanyak RM65.4 juta, diharap pihak Jabatan Perdana Menteri memperhebatkan lagi program-program membangunkan syiar Islam, supaya orang-orang Islam benar-benar menghayati agama itu. Dengan demikian, rakyat yang beragama Islam dalam negara ini dapat hidup dengan penuh harmoni dan bertanggungjawab. Pendakwah-pendakwah yang ada sekarang perlu diberi nafas baru dalam dakwaan mereka supaya mereka yang diberi dakwah dapat maklumat-maklumat yang positif dan boleh mengembangkan lagi ajaran-ajaran Islam kepada yang lain dengan lebih berkesan.

Satu perkara lagi yang saya suka mengesyorkan di sini, satu masjid yang betul-betul istimewa dan canggih perlu dibina di negara kita sebagai satu lambang perubahan perkembangan dalam pembangunan Islam di negara ini. Kalau di negeri Kelantan dinamakan sebagai 'Serambi Mekah', di Malaysia ini kita namakan 'Malaysia sebagai pusat-pusat pembangunan Islam'. Dengan demikian, pengaruh parti lawan seperti parti PAS dapat diatasi dengan senang.

Dalam hal pembahagian kerja-kerja kontrak pada masa ini, kerja-kerja kontrak itu diberi kepada kontraktor-kontraktor berwibawa. Kesan daripada amalan-amalan ini banyak kontraktor kerajaan yang tidak dikelaskan di bawah kumpulan berwibawa, sukar untuk dapat kerja-kerja kontrak dan menanggung bebanan yang besar untuk meneruskan dalam kerjaya mereka. Saya harap

kerajaan akan mengubahsuaikan program ini supaya kontraktor-kontraktor yang berdaftar selain daripada yang dikelaskan di bawah berwibawa itu dapat peluang yang sebaik-baiknya.

Saya ingin merujuk kepada Maksud B.50 - Kementerian Pembangunan Usahawan yang peruntukannya sebanyak RM19.9 juta. Dalam merancang program-program di bawah kementerian ini, saya berharap peraturan yang hebat dapat diberi kepada usahawan-usahawan yang kecil supaya mereka itu dapat pembelaan yang sebaik-baiknya.

Menyentuh Maksud B.54 - Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Kementerian ini melibat kepada pembelaan orang-orang luar bandar. Diharap pihak-pihak yang benar-benar patut diberi pertolongan mestilah disampaikan kepada pihak-pihak itu.

Sekian, hujah-hujah yang saya hendak sampaikan dan dengan ini, saya syorkan supaya Akta ini diluluskan.

Tuan Ding Seling: Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba.

4.15 ptg.

Tuan Rahim bin Baba: Terima kasih, saya juga turut bangun untuk membincang dan juga seterusnya menyokong akta yang dinamakan Akta Perbekalan Tambahan tahun 1995, di mana di bawah akta ini pihak kerajaan telah pun meminta kelulusan sebanyak RM160,640,568 yang melibatkan 11 kementerian ataupun jabatan-jabatan.

Tuan Yang di-Pertua, apabila saya meneliti peruntukan yang telah pun diminta untuk diluluskan dalam persidangan ini. Saya dapati

sebahagian besar daripada peruntukan yang dipohon adalah merupakan peruntukan yang melibatkan perpindahan membiayai perbelanjaan mengurus bagi perpindahan jabatan-jabatan khasnya kepada Bahagian Hal Ehwal Undang-undang, yang telah pun diwujudkan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Begitu juga dengan perpindahan Pasukan Petugas Anti Dadah yang melibatkan RM3.7 juta dan juga melibatkan RM934,000 untuk memindahkan Bahagian Pembasmian Kemiskinan daripada Jabatan Perdana Menteri kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Satu persoalan yang timbul di sini kalau dapat diberikan penjelasan, ialah saya pun hairan juga kenapa setiap kali jabatan berpindah satu bahagian ataupun satu jabatan dipindahkan dari satu kementerian kepada kementerian kita akan melibatkan satu perbelanjaan yang sungguh besar.

Saya sungguh terperanjat melihatkan peruntukan RM65 juta semata-mata untuk memindahkan Bahagian Hal Ehwal ataupun untuk menguruskan Bahagian Hal Ehwal Undang-undang. Setahu saya bahagian ini dahulunya ada kementerian yang tersendiri, tetapi mengapakah tidak digunakan peruntukan yang telah pun sedia ada, yang telah pun diluluskan.

Begitu juga dengan perpindahan Bahagian Petugas Khas Anti Dadah sebanyak RM3.7 juta, semata-mata untuk memindahkan Pasukan Petugas Anti Dadah daripada Jabatan Perdana Menteri ke Kementerian Dalam Negeri - tempat yang sama agaknya. Jabatan Perdana Menteri dan juga Kementerian Dalam Negeri di tempat yang sama dan berbelanja sehingga RM3.7 juta. Kalau boleh pihak Kementerian Kewangan dapat memberikan sedikit penjelasan

mengapa perbelanjaan yang sebegini tinggi dikenakan semata-mata untuk memindahkan satu bahagian iaitu Pasukan Petugas Anti Dadah daripada kompleks yang sama, Jabatan Perdana Menteri dan juga Kementerian Dalam Negeri di dalam kompleks yang sama dan terpaksa berbelanja sebanyak RM3.7 juta.

Saya tidaklah mempersoalkan kenapa kita perlu berbelanja, tetapi mengapa kita perlu berbelanja sebegini banyak semata-mata untuk memindahkan satu jabatan dari satu kementerian kepada kementerian yang lain. Begitu juga daripada Kementerian Pembangunan Luar Bandar di mana Bahagian Pembasmian Kemiskinan untuk berpindah pejabat pun, untuk memindahkan jabatan kena berbelanja sebanyak RM934,500 hampir RM1 milion. Kalau dibahagikan dengan RM5,000 seorang untuk rakyat termiskin, maknanya kita boleh beri kepada 200 orang, maknanya kita boleh beri tambahan lagi kepada 200 orang termiskin kalau kita tidak memindahkan bahagian ini daripada Jabatan Perdana Menteri ke Kementerian Luar Bandar. Ini adalah perbelanjaan yang saya fikirkan satu perbelanjaan yang sungguh tinggi dan saya berharap pihak kementerian, pihak Kementerian Kewangan khususnya dapat meneliti dan dapat melihat. Saya tahu kita mempunyai seorang menteri, dua orang timbalan menteri dan seorang setiausaha Parlimen dan juga pegawai-pegawai kerajaan yang sebegini peka, yang sebegini mengambil tahu mengawal perbelanjaan-perbelanjaan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh beberapa kementerian yang telah pun memohon untuk mendapatkan kelulusan-kelulusan dan juga izinkan saya untuk membuat beberapa pertanyaan ataupun memohon beberapa penjelasan- yang tertentu.

Saya menyentuh B.28 Perbendaharaan yang memohon tambahan RM11.6 untuk membiayai bayaran faedah ke atas pinjaman Perwaja Terengganu Sdn. Bhd. Kita telah pun dimaklumkan semalam bahawa telah pun mengalami kerugian RM300 juta lebih dan jikalau kita baca dalam media asing kerugian yang dihadapi oleh Perwaja adalah lebih daripada itu. Tetapi, walau bagaimanapun, kita

percaya dengan laporan yang dibuat oleh pihak kerajaan di mana Perwaja setakat ini dilaporkan telah pun mengalami kerugian lebih daripada RM300 juta.

Saya masih ingat lagi sejarah Perwaja ini. Satu ketika dulu apabila Perwaja ditubuhkan ianya diketuai oleh seorang bekas pegawai tinggi kerajaan dan seorang bekas pegawai tinggi bumiputera kerajaan yang mengetuai Perwaja. Masa itu boleh dikatakan tidak bergerak, kurang maju dan juga berjalan pun terlalu lembab, tidak mendapatkan keuntungan. Saya difahamkan sebabnya ialah, apabila ada sahaja bekas pegawai kerajaan ataupun pegawai kerajaan yang mengetuai Perwaja ini beliau itu banyak menghabiskan masa kerana terpaksa membuat laporan kepada EPU, kepada Treasury, lepas sahaja balik daripada jumpa Treasury pula EPU panggil, lepas itu pula balik sahaja ke Terengganu baru hendak tengok kerja sedikit, Jabatan Perdana Menteri panggil. Lepas itu MITI pula panggil. Jadi, masa itu habis semata-mata untuk mendengar apa-apa permohonan daripada jabatan-jabatan kerajaan. Pada masa itu pemimpin negara kita pun berasa tidak puas hati dan meletakkan Tan Sri Eric Chia, masa itu Datuk Eric Chia untuk menjadi Ketua Eksekutif Perwaja.

Saya dimaklumkan, apabila Eric Chia menjadi Ketua Eksekutif Perwaja, tidak ada satu pun jabatan kerajaan yang heboh hendak minta Eric Chia datang beri laporan ini, Treasury pun senyap, EPU pun senyap, MITI pun tidak ambil kesah, semua tidak ambil kesah, Jabatan Perdana Menteri pun tidak ambil kesah, kerana kononnya Ketua Eksekutif ini mengatakan bahawa beliau hanya bertanggungjawab kepada Perdana Menteri. Jabatan kerajaan yang lain semua lay off, tidak kesah semua dan kita pun mengagung-agungkan, dalam surat khabar pun kita tunjukkan satu kejayaan yang seolah-olah, satu kejayaan yang luar biasa yang telah pun dicapai oleh Eric Chia untuk membawa keadaan Perwaja dalam sekelip mata sahaja pada penghujung tahun 80-an.

Beberapa pegawai kerajaan pernah juga berkata dengan saya, pegawai tinggi kerajaan pada masa itu berkata dengan saya, kalau saya pun, masa itu saya belum jadi Ahli Dewan Negara lagi, kalau saya pun dapat kemudahan seperti ini, diberikan free hand, dengan izin, untuk menjalankan Perwaja, mungkin saya boleh buat lebih baik daripada Eric Chia, pada masa itu, pada ketika itu, tidak ada satu pun jabatan yang kisah untuk mengawasi.

Jadi, sekarang ini apabila telah pun berlaku kerugian yang begitu banyak yang RM340 juta lebih ini merupakan satu pengajaran kepada kita, khususnya kepada sahabat-sahabat saya para pegawai kerajaan, kepada pihak-pihak yang mengatakan dia hanya bertanggungjawab kepada menteri ataupun sebagainya, kita tidak boleh lari, pegawai-pegawai kerajaan tidak boleh lay off totally, dengan izin,

daripada memerhatikan perjalanan apa sahaja syarikat-syarikat kerajaan. Hari ini kita bayar tambahan, ini baru faedah sahaja ni RM11.6 juta, dan ini pun tambahan, awalnya saya tidak tahulah berapa banyak juta sudah kita bayar. Ini baru faedah, pinjaman pokoknya pun kita tidak tahu, saya dengar khabar Perwaja pun sudah, baru-baru ini sudah sign contract, Datuk Aziz tadi beritahu saya, 20 tahun, very long term contract, 20 tahun untuk beli besi, beli apakah dari Brazil ataupun dari Chile, Chile atau Brazil? Sudah sign contract 20 tahun.

Macam-macam laporan sekarang ini mengenai Perwaja. Saya percaya satu hari besok, kerajaan mahu tidak mahu akan terpaksa rescue Perwaja dan saya berharap ini merupakan satu pengajaran kepada kita, kepada kerajaan khususnya kepada pegawai-pegawai kerajaan, kalau pun seorang itu mengatakan dia hanya melaporkan kepada Perdana Menteri ataupun Timbalan Perdana Menteri, kita sendiri kena menjalankan tugas kita, Kita tidak boleh lay off totally dalam soal-soal yang sedemikian.

Saya tidak menyalahkan Tan Sri Eric Chia dan sebagainya kerana saya pun kalau boleh cakap macam itu, kalau pegawai kerajaan semua lay off, saya pun akan buat cakap macam itu juga tetapi saya percaya kalau seorang bekas pegawai kerajaan selepas ini mengetuai Perwaja, kalau dia bercakap macam itu, pegawai kerajaan tidak akan percaya, tetapi kalau kerana adanya tokoh dari korporat yang bercakap macam ini dan kita percaya bulat-bulat dan kita lay off totally, inilah akibatnya, kita telah pun mengalami kerugian yang setakat ini saya dilaporkan lebih daripada RM300 juta.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh Kementerian Pembangunan Usahawan. Kementerian ini minta peruntukan RM10 juta untuk bayaran terakhir kepada ZEMH Corporation Sdn. Bhd. bagi penamatan kontrak pembinaan Restoran Melayu yang terdapat di Kuala Lumpur ini. Saya tidak tahu berapa banyak perbelanjaan kita mendirikan sebuah Restoran Melayu. Ini bayaran terakhir, bayaran terdahulu saya tidak tahu berapa juta, entah berapakah perbelanjaan Restoran Melayu yang terdapat di Kuala Lumpur itu ataupun adakah ianya mendapatkan pulangan yang setimpal.

Saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian Pembangunan Usahawan dan juga pihak Kementerian Kewangan mengenai keghairahan pihak Kementerian Pembangunan Usahawan sekarang ini, memang kita alu-alukan untuk menjalinkan usaha sama di antara pengusaha-pengusaha bumiputera dengan pengusaha-pengusaha bukan bumiputera, joint venture di antara syarikat Melayu dengan yang bukan Melayu. Ini mempunyai niat yang sebegitu murni, saya lihat banyak syarikat yang menyertai telah pun dipanggil badan-badan, Dewan-dewan Perniagaan Melayu, Dewan Perniagaan Cina, Dewan Perniagaan India untuk berbincang bagaimana cara kerjasama yang boleh dijalankan di antara

peniaga Melayu, pengusaha Melayu, Cina dan juga India dan ini mempunyai matlamat jangka panjang yang amat-amat kita alu-alukan.

Saya hanya ingin bertanya kepada pihak dari segi dasar kerajaan sekarang ini. Dari satu segi kita memberikan keutamaan kepada syarikat-syarikat bumiputera. Saya ingin bertanyakan kepada pihak kementerian, katalah dalam satu keadaan di mana syarikat bumiputera tulen pun masuk, katakan masuk tenderlah, syarikat yang dianjurkan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan, syarikat tulen joint venture bumiputera dan juga bukan bumiputera pun masuk dalam satu tender dan dalam keadaan yang sama all other things being equal, dengan izin, harga pun sama, kebolehan pun sama, semuanya sama. Apakah keistimewaan masih lagi diberi kepada syarikat bumiputera ataupun syarikat usahasama ini. Kerana jangan nanti orang keliru, jangan masyarakat peniaga kita keliru sama ada hendak terus dengan bumiputera sahajakah ataupun hendak buat satu joint-venture yang betul-betul genuine. Jadi, kalau ini dapat diperjelaskan supaya tidak timbul kekeliruan, nanti esok orang bumiputera yang sudah berniaga betul-betul seratus peratus berniaga, selepas itu dia joint-venture dengan bukan bumiputera, sebab taraf dia sebagai sebuah syarikat joint-venture sudah tidak dapat lagi keistimewaan sebagai sebuah syarikat bumiputera.

Saya harap perkara ini dapat diperjelaskan oleh pihak kerajaan kerana mahu tak mahu satu hari esok pihak kerajaan akan menghadapi dilema ini. Kalau kita hendak galakkan syarikat bumiputera, kita galakkan syarikat bumiputera terus. Kalau kita hendak galakkan dengan niat yang baik kerajaan untuk menyusun semula masyarakat, joint-venture yang betul-betul genuine antara bumiputera dengan bukan bumiputera, kita galakkan syarikat-syarikat yang seperti ini, dan kita beri keistimewaan-keistimewaan yang diperlukan oleh syarikat-syarikat ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh Maksud B.18, Kementerian Perusahaan Utama. Kita ucap tahniahlah kepada kementerian ini kerana dapat menstabilkan harga minyak masak pada satu ketika dahulu, walaupun terpaksa berbelanja RM6.6 juta, tetapi hasilnya pada hari ini kita dapat harga minyak masak, iaitu harga minyak kelapa sawit yang agak stabil di pasaran tempatan. Saya dapati sejak akhir-akhir ini timbul satu kecenderungan beberapa syarikat-syarikat gergasi, beberapa syarikat-syarikat perladangan di negara ini yang melabur, yang membuka ladang-ladang di negara-negara jiran, khususnya di Indonesia dan juga di Papua New Guinea dan sebagainya. Saya berharap satu penyelarasan dapat dibuat oleh pihak Kementerian Perusahaan Utama di antara syarikat-syarikat gergasi yang pergi melabur di luar negara ini supaya boleh disatukan kepakaran yang terdapat di antara syarikat-syarikat

ini, supaya difikirkan kerjasama dari segi pemasaran, atau dari segi penyelidikan dan sebagainya. Kerana tambahan pula, kita juga melabur di negara asing, ini kemungkinan kali yang pertama kita melabur. Ini jangka panjang melabur dari segi penanaman kelapa sawit, getah dan sebagainya. Ini adalah satu pelaburan jangka panjang.

Saya berharap juga syarikat-syarikat gergasi yang melabur di luar negara ini biarlah berhati-hati, jangan terlampau tergopoh-gapah sangat. Banyak pengajaran-pengajaran yang kita telah pun alami. Dahulu KOBENA, kalau tidak silap saya pernah melabur di Indonesia hangus begitu sahaja, hilang begitu sahaja. Kerana tiap-tiap negeri ada culture masing-masing. Jangan kita terlampau tergesa-gesa. Syarikat-syarikat swasta saya tak risau. Tetapi bila saya tengok Tabung Haji sudah melabur RM657 juta di Indonesia. Setakat ini sudah keluar duit RM657 juta saya sudah mula risau. Bukan saya orang yang pesimistik. Tetapi kita hendaklah berhati-hati di dalam membuat pelaburan-pelaburan ini. Kalau boleh, sepertimana yang saya sarankan tadi, kalau ada syarikat-syarikat kita yang hendak melabur di luar negara, biarlah menggunakan offshore loan. Jangan gunakan duit daripada dalam negara kita, kita angkut bawa ke luar negara. Itulah sebabnya defisit naik sampai RM9.2 bilion. Sekarang ini sudah lebih, defisit dagangan kita sudah bertambah-tambah. Tahun 1995 baru RM2.2 bilion, sekarang sudah lebih RM9 bilion defisit dagangan kita. Yang susahnyanya kadangkala, orang yang datang melabur dalam negara kita, pelabur-pelabur yang datang, dia tidak membawa duit. Sesetengah itu mereka gunakan duit dalam negara kita juga. Yang kita pula pergi melabur di luar negara bawa duit daripada negara kita. Sudah dua kali duit Malaysia mengalir keluar. Satu yang datang melabur dia tak pakai pun duit daripada luar, dia gunakan duit sendiri, yang kita pula pergi melabur bawa pula duit keluar negeri. Itulah kadangkala ada percanggahan.

Saya dimaklumkan oleh pelabur-pelabur yang setengah dia pun sudah tak tahu bila hendak melabur di luar negara. Bank Negara tak boleh bawa keluar duit. Pemimpin kita kata kita mesti melabur di luar negara dengan banyaknya. Jadi, tak ada guideline. Saya percaya Kementerian Kewangan boleh memberikan guideline ataupun garis panduan supaya kalau ada syarikat-syarikat yang hendak melabur di luar negara, mereka hendaklah mendapatkan loan ataupun facilities daripada offshore loan. Tidak payah menggunakan duit dalam negara kita ini. Kalau tidak, esok saya takut soal imbalan pembayaran kita ataupun defisit negara kita akan bertambah teruk lagi keadaannya, tidaklah sampai seteruk seperti di Mexico. Tetapi kita kena berhati-hati, walaupun tidak sampai ke tahap itu, kita mempunyai keadaan ekonomi yang stabil, fundamental yang sungguh kuat, tetapi walaupun kita boleh pelecehkan apa yang orang luar negara kata, tetapi kadangkala dalam hati kita, kita kena dengar juga, walaupun kita tidak hendak mengakui di hadapan, tetapi di dalam pemikiran kita, kita kena juga

mengambil ingatan tentang apa yang dikatakan oleh pihak-pihak yang tertentu tentang keadaan kewangan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sebabnya saya berharap kepada Kementerian Perusahaan Utama akan memainkan peranan yang lebih constructive kepada syarikat-syarikat yang hendak melabur di luar negara supaya dapat ada penyelaras khasnya, syarikat-syarikat yang melabur di bidang perladangan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan diberikan peruntukan RM12.7 juta untuk mengurus Universiti Malaysia Sabah. Ini janji dahulu semasa pilihanraya, kena buatlah. Tidak mengapalah kita buat universiti di Sabah. Tetapi mengenai Kementerian Pendidikan ini, walaupun telah banyak kali diperkatakan mengenai kekurangan buku teks, kekurangan peralatan sekolah. Baru-baru ini saya pergi menghantar anak ke sekolah. Saya agak sekolah paling ternama sekali di negara kita, Sekolah Kebangsaan Bukit Damansara. Di sekolah itu pun tak cukup kelas, masih tak cukup juga kerusi. Anak Perdana Menteri bersekolah di situ. Anak Timbalan Perdana Menteri pun di situ, kena menggunakan surau untuk dijadikan kelas sementara.

Jadi, saya boleh bayangkan sekolah-sekolah di luar bandar. Saya tak pergi, tetapi saya dapat bayangkan keadaan sekolah-sekolah di luar bandar. Kalau di Sekolah Kebangsaan Bukit Damansara, sekolah yang boleh dikatakan semua top government servant di situlah, yang meluluskan peruntukan Treasury berapa. Pegawai-pegawai di Kementerian Kewangan, Kementerian Pendidikan semua anak-anaknya bersekolah di situ. Anak saya bersekolah di situ sebab saya duduk di situ, duduk dekat di situ, bukan kerana dapat keistimewaan, tidak. Semua orang hendak hantar anak bersekolah di situ.

Jadi, dalam sekolah begitu pun, boleh berlaku kekurangan. Kerusi kurang, kelas pun kena gunakan madrasah jadikan kelas sementara. Inikan pula sekolah-sekolah di luar bandar. Saya tak tahulah bagaimana keadaan sekolah-sekolah di luar bandar. Saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang datang daripada kawasan luar bandar tentulah dapat memberikan gambaran, khasnya pegawai-pegawai kerajaan mengenai kekurangan-kekurangan yang terdapat di sekolah-sekolah luar bandar.

Kekurangan buku teks. Saya pun hairan juga sudah setahun. Sepatutnya daripada sekarang. Tuan Yang di-Pertua pun dahulu bekas guru, bekas seorang pendidik pun tahu bagaimana. Soal buku teks bukannya soal last minute. Saya pun tak tahu macam mana boleh tak siap lagi, sudah setahun. Di mana silapnya buku teks sampai sekarang boleh tak ada lagi di sesetengah sekolah. Sesetengah buku itu baru hendak print, barulah hendak diluluskan. Saya pun susah dari segi akal hendak terima, dari segi logikinya untuk print buku teks. Sudahlah harganya mahal. Saya tengok ada buku teks lebih murah kalau saya fotostat buku teks, kerana buku itu sudah tak ada lagi, lebih murah kalau difotostat daripada dibeli harga buku yang asal. Sekarang ini boleh fotostat secara color pun lebih murah kalau hendak dibeli buku yang dijual pada harga cover.

Kalau tidak memikirkan soal kesalahan dari segi akta cetak, saya sudah fotostat dah! Kerana hendak menampung kekurangan buku anak-anak. Tetapi anak saya fotostat, saya tidak tahulah, itu soal dialah. Saya katakan boleh

pinjam dengan kawan-kawan, itu terpulanglah. Saya tengok balik-balik, dia sudah bawa yang fotostat punya, dia kata: “Lebih murah lagi abah, cara fotostat ini!” Ini keadaan yang tidak semestinya berlaku, negara kita sudah maju, sudah merdeka 38 tahun, kita telah masuk ke alam yang sebegitu canggih, alam superhighway, yang Internetlah dan sebagainya, tetapi kita masih lagi bercakap soal kekurangan buku teks.

Zaman saya sekolah tidak pernah kita bercakap soal kekurangan buku teks, zaman sahabat-sahabat kita yang menjadi pegawai kerajaan pun, tidak pernah bercakap soal kekurangan buku teks. Sekarang pula boleh berlaku keadaan-keadaan begini, ini sesuatu yang sungguh ajaib.

Saya berharap, pihak Kementerian Pendidikan, kerana tahun hadapan kita akan sekali lagi, kalau dipanjangkan umur, kita akan sekali lagi berada di Dewan ini dalam bulan Disember, saya harap tidak ada lagi soal buku teks ini timbul.

Tetapi, tidak tahulah tahun depan pula, sekolah dibuka semula pada bulan Januari, masa itu Dewan tak bersidang, itu sebabnya kita tak sempat hendak bercakap, tetapi tahun ini sekolah buka di bulan Disember, kita tahu. Jadi, kita berharap pada tahun hadapan, diharap semua pihak kementerian, jangan kita hendak menyalahkan publisher, menyalahkan printer, printer menyalahkan pihak kementerian, kementerian menyalahkan pihak lain. Jangan - bukan masanya lagi dah, kita hendak menyalahkan pihak-pihak yang berkenaan, yang kita hendak fikirkan anak-anak kita yang bersekolah, yang tanpa buku teks dan menambahkan buruk lagi keadaan setengah sekolah

ada, setengah sekolah tak ada, setengah murid sudah dapat buku teks, setengah murid belum dapat buku teks. Ini lagi menyulitkan keadaan. Kalau semua tak mengapa juga, ini setengah murid - setengah murid tak ada, setengah sekolah ada, setengah sekolah tak ada.

Jadi, kita berharap kepada Kementerian Pendidikan supaya lebih mengambil berat tentang keadaan ini, tangani masalah ini mulai daripada sekarang, jangan tunggu sampai last minute, baru kita hendak check sama ada cukup buku teks. Saya tidak menyalahkan Menteri Pendidikan yang ada sekarang, kerana kadang-kadang kita pun selalu sangat bertukar menteri, ini pun susah juga, kerana bila beliau datang pun, keadaan itu sudah sebegitu keadaannya. Saya berharap pihak kerajaan akan melihat keadaan ini dan tidak akan memandang ringan keadaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan juga akan menjalankan pengajian komputer. Saya lihat sekarang ini orang heboh bercakap fasal computer literacy dan sebagainya. Yang saya bimbangkan ialah bagaimana pendedahan anak-anak di luar bandar kepada komputer ini? Adakah sekolah-sekolah di luar bandar telah pun bersedia, adakah peruntukan yang cukup telah pun diberikan supaya mereka ini terdedah, kalau ada pun kadangkala itu pameran komputer, hanya diadakan di Kuala Lumpur sahaja.

Saya tengok, kalau diadakan di PWTC, pameran infotech ataupun apa sahaja, semua orang datang, yang mendapat manfaatnya ialah anak-anak daripada kawasan Kuala Lumpur, anak-anak kita yang di Sabah tidak dapat, yang di Sarawak jauh sekali. Kalau orang-orang Penan, orang hulu, lagi

tidak pernah mendengar, tidak pernah tengok pun komputer. Apa salahnya pameran-pameran ini diadakan di bandar-bandar lain, sekali diadakan di Kuching, sekali di Kota Kinabalu, di Melaka, di Johor, di Ipoh ataupun sebagainya.

Kalau tak apa pun, kerajaan beri insentif, kementerian beri insentif kepada syarikat-syarikat yang hendak mengadakan pameran-pameran ini ataupun hendak mengadakan pertunjukan-pertunjukan komputer atau sebagainya supaya masyarakat terdedah, susah kalau diadakan di Kuala Lumpur bagi rakyat yang duduk di Hulu Kelantan ataupun sebagainya hendak datang; sekali-sekali diadakan di Kota Bharu, di Kuantan, di Bentong ataupun sebagainya supaya semua masyarakat terdedah. Jangan hanya bertumpu di Kuala Lumpur sahaja. Kalau perbelanjaan itu terlampau banyak sangat, kerajaan subsidise, beri subsidi kepada syarikat-syarikat yang hendak menganjurkan ini, supaya semua masyarakat mendapat pendedahan.

Kita tak mahu besok masyarakat di dalam bandar, pengetahuan mereka di bidang komputer berbeda jauh ke hadapan dengan murid-murid yang berasal daripada luar bandar. Keadaan ini berlaku dari segi bahasa Inggeris, kita lihat, murid-murid yang tadi pun Ahli Yang Berhormat katakan tadi itu, tak berani kerana dia tak tahu hendak bercakap dalam bahasa Inggeris, timbul perasaan inferiority complex.

Ini mungkin murid-murid daripada kawasan luar bandar agaknya, tetapi kalau murid daripada bandar, kita boleh nampak dia punya disparity antara yang di luar bandar dan juga di dalam bandar. Jadi, oleh kerana pengajian

komputer ini satu pengajian yang baru yang akan diintroduce atau diperkenalkan oleh pihak kementerian, saya berharap supaya pihak kementerian akan memikirkan supaya murid baik daripada luar bandar ataupun baik daripada dalam bandar juga akan mendapat kemudahan-kemudahan yang setimpal.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai Jabatan Perdana Menteri sekali lagi khasnya kepada dasar kerajaan. Dari segi pengagihan saham-saham kepada bumiputera. Saya pernah bercakap mengenai perkara ini. Saya telah pun meneliti beberapa syarikat yang disenaraikan di Pasaran Saham Kuala Lumpur di mana pemegangan bumiputera dalam syarikat itu lebih kurang 30% dan pemegangan mereka yang betul-betul menjalankan syarikat itu, yang kumpulan bukan bumiputera yang menguruskan syarikat itu kurang daripada 30%, maknanya bumiputera pegang lebih kurang 35%, dia pegang 30% tetapi dia boleh menguruskan syarikat itu dan memegang perjalanan syarikat.

Sebabnya keadaan ini berlaku ialah yang 30% yang bukan bumiputera itu dimiliki oleh seorang, yang 35% yang dimiliki oleh bumiputera dimiliki oleh 50 institusi, PNB ada 2%, Tabung Haji ada 2%, LTAT ada 5%, Koperasi Polis ada 5%, sebut sahajalah, semua badan-badan ini semua ada dan seorang pun tak hendak ambil lead dan semua tak hendak ambil tahu. Tetapi, dari segi hakikatnya, pemegang bumiputera ada 35%. Pada hal yang menjalankan, yang menguruskan, dengan izin, I am not trying to be chauvinistic, Yang Berhormat, yang menjalankan, yang menguruskannya ialah pihak yang

memiliki saham yang kurang daripada jumlah yang dimiliki oleh bumiputera.

Saya fikir dasar di mana kita hendak mengadakan ini dasar divide and rule ini, kalau dahulu ya, kita hendak beri sedikit-sedikit, hendak puas hati semua orang, in the end, semua orang tak puas hati juga, lebih baik kalau dapat kerajaan memikirkan satu dasar, kalau ada syarikat-syarikat yang hendak disenaraikan, berikan kepada satu kumpulan bumiputera, ataupun seorang bumiputera biar dia yang menjalankan, tidak mengapa, sekurang-kurangnya dia boleh memainkan peranan yang bermakna dengan rakan kongsi yang bukan bumiputera tadi untuk mengendalikan syarikat ini.

Kalau tidak, syarikat itu akan diuruskan 100% oleh bukan bumiputera, bumiputera pula mengeluarkan modal untuk mengeluarkan duit untuk mengeluarkan modal untuk bumiputera untuk menguruskan, menjalankan perniagaan. Ini saya fikir bukannya dasar kerajaan.

Saya berharap satu dasar akan difikirkan, tetapi janganlah pula asyik-asyik orang itu sahaja. Kalau syarikat 'A' beri kepada saya, syarikat 'B' beri kepada siapa lagi yang ada bumiputera di sinilah, asing-asinglah, Faridah beri satu, Dato' Aziz beri satu, Dato Zuki dia tidak hendak dah, dia sudah cukuplah, dia kata. Bahagi-bahagi, agih-agih, biar dia pegang satu syarikat.

Dasar yang ada sekarang ini saya lihat dasar yang tidak menguntungkan dari segi pemilikan bumiputera, itulah sebabnya saya dapati, apabila Dato' Seri Yahya Ahmad diberikan HICOM, banyak orang yang mempertikaikan, kenapa beri kepada dia seorang? Kalau diberikan kepada lapan ataupun tujuh juta dia.

Dan limpahan daripada syarikat itu mungkin dapat orang-orang dia, walaupun ada orang kata dia mendapat 'deal' yang terbaik, katakan dia mendapat HICOM - bayar RM1.7 bilion, lepas itu di jualnya United Furso dengan automatik corporation, balik kepada HICOM RM1.2 bilion, selepas itu ambil bon issue RM950 milion, dia dapat HICOM, more or less - free. Tidak apa, peduli. Kepada saya perkara ini biar dijalankan secara begitu dan walaupun HICOM punya nett tangible assets turun daripada RM1.84 kepada RM0.94 sekarang ini.

Saya pun fed-up juga, dahulu HICOM RM7.30 saya hendak jual, Timbalan Menteri Kewangan kata jangan. Mana Menteri Kewangan - bukan Dato'lah. Dia kata, simpan, kita orang Melayu mesti pegang, tetapi sekarang ini sudah RM4.00 hendak bayar hutang (interest) bank pun sudah tidak cukup. Tetapi tidak apa, untuk hendak pegang 'portion' bumiputera itu saya berkorban sedikit - tidak apalah. Tetapi nampaknya saya jadi bodoh pula apabila saya pegang dan simpan saham itu, kalau saya tahu saya jual semasa harga RM7.00 dahulu.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Haji Kamaluddin: *[Menyampuk]*

Tuan Rahim bin Baba: Tidak, saya masih ingat, masa itu Dato' tidak ada lagi di sini. Saya hendak jual saham HICOM saya itu dengan harga RM7.50, tetapi masa itu Timbalan Menteri kita kata jangan jual, kerana kita pegang ini untuk bumiputera sebagai amanah bumiputera, tetapi sekarang ini sudah tinggal RM4.00 - hari itu kurang daripada RM4.00, tetapi sekarang ini sudah lebih sedikit - calculate punya calculate, kosnya pun sudah RM3.00

lebih, kalau hendak jual pun untunglah 0.50 sen atau 0.60 sen. Kalau saya jual tahun sudah saya dapat untung RM4.00 atau RM5.00, tetapi tidak apalah untuk pegang saham bumiputera ini.

Apa yang saya hendak timbulkan di sini bukannya soal HICOM tetapi ialah di mana dasar kita, dasar kerajaan, dasar Kementerian Kewangan, dasar Khazanah Negara supaya memikirkan satu mekanisme supaya peruntukan untuk orang Melayu ini jangan dipecah-pecahkan macam mana yang saya katakan tadi terdapat syarikat-syarikat yang 35% adalah dimiliki oleh bumiputera dan yang bukan bumiputera memiliki hanya 20% tetapi dia 'control' semuanya kerana yang 20% itu hanya dia seorang.

Yang susahny kadang-kadang dasar kerajaan kita, kepada yang bukan bumiputera tidak apa, kita boleh gunakan dasar kapitalis, tetapi yang bumiputera mesti gunakan dasar sosialis, mesti beri kepada seberapa ramai bumiputera yang boleh kalau dapat seorang satu lot pun tidak apa, asalkan semua orang puas hati, tetapi akhirnya syarikat bumiputera ini tidak dapat memainkan peranan.

Itulah yang saya harapkan supaya pihak kerajaan memikirkan dasar pengagihan kekayaan ini dan itulah sebabnya saya sendiri, sebagaimana yang dikatakan tadi Dato' Seri Yahya dapat saham HICOM - kita tabik kepada dia, mungkin besok Tan Sri Halim Saad, katanya hendak dapat Perwajakah atau Telekomkah dan sebagainya, itu tidak tahulah, tetapi kita memang menghargai keadaan-keadaan yang seperti ini - jangan dipecah-pecahkan.

Tuan Yang di-Pertua, kepada Kementerian Kewangan, saya juga ingin menyentuh soal perumahan. Hari itu dan tadi pun saya sudah bertanya kepada Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, nampaknya ada percanggahan sedikit. Timbalan Perdana Menteri kata - dia marah kerana tidak cukup pencapaian dari segi sasaran rumah rumah tetapi Timbalan Menteri Perumahan pula kata setakat ini sudah 86.4% telah pun mencapai sasaran, yang tidak mencapai sasaran ialah pihak kerajaan iaitu yang 166,000 unit. Tetapi Yang Berhormat itu tidak sempat hendak memberikan peratusan - berapa peratus daripada 166,000 unit dalam Rancangan Malaysia Keenam yang tidak pun dicapai. Maknanya yang tidak mencapai sasaran ialah pihak kerajaan sendiri ataupun agensi-agensi separuh kerajaan yang telah pun diamanahkan. Pihak swasta nampaknya telah pun mencapai hampir-hampir mencapai kepada matlamatnya iaitu 86.4%.

Mengenai perumahan ini, ia adalah satu industri yang begitu unik sekali. Kita memang menghargai apabila kerajaan cuba hendak 'slam speculation' dalam industri perumahan. Mula-mula kerajaan turunkan pinjaman daripada kadar dahulu. Dahulu dibenarkan sampai 90% turun kepada 75% ataupun 60% untuk kondominium ataupun rumah yang berharga lebih daripada RM150,000, selepas itu naikkan 'base lending rate', selepas itu kena pula levi untuk pembeli-pembeli daripada warganegara asing.

Mengenai levi ini saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan. Baru-baru ini, dua atau tiga hari sudah ada saya terbaca, semasa kerajaan Sabah membentangkan Belanjawan, Menteri Kewangan Sabah seolah-olah tidak ingin mematuhi levi yang RM100,000 itu - betulkah Yang Berhormat? Yang Berhormat Menteri dari Sabah pun mengangguk - tidak ingin mematuhi arahan pengenaan levi RM100,000

yang dikenakan kepada pembeli-pembeli asing. Jadi, saya berharap pihak Kementerian Kewangan menjelaskan perkara ini supaya jangan besok kalau sudah mula sebuah negeri buat macam itu, lain-lain negeri pun akan ikut sama juga. Johor pun ada alasan masing-masing, Melaka pun ada alasan masing-masing, begitu juga Kuala Lumpur dan Selangor. Jadi, apalah maknanya budget yang telah pun di buat oleh Menteri Kewangan kalau Kerajaan Negeri tidak mahu mematuhi dan minta dikecualikan daripada levi RM100,000 seperti yang telah pun dikenakan kepada mereka yang membeli rumah-rumah yang harganya lebih daripada RM250,000. Cuma kalau boleh saya hendak memberi pandangan kepada Kementerian Kewangan di mana saya mengharapkan levi ini biarlah ikut percentage. Kalau RM100,000 daripada RM250,000 - itu lebih kurang dalam 30% ataupun 40% tetapi kalau rumah berharga RM1 juta, kena levi RM100,000 - it is only 10%. Jadi, saya percaya kalau dapat dibuatkan secara percentagenya, kalau hendak katakan 10%, biar 10% daripada harga rumah dan kalau 20%, biar 20% daripada harga rumah. Jadi, katakanlah 20%, kalau RM250,000 maknanya RM50,000 dan kalau rumah yang RM1 million maknanya RM200,000. Jadi, kita 'base on percentage' dan bukannya 'base on lump sum'.

Sekarang ini apa yang saya dimaklumkan, kadar yang dikenakan kepada pembeli-pembeli dari luar ialah kadar secara 'lump sum'. Industri perumahan ini ialah satu industri yang unik sedikit. Katalah rumah yang di jual di Phase 1 harganya RM70,000, kalau saya tahu Phase 2 harganya RM60,000 saya tidak akan membeli rumah di Phase 1 dan tidak akan ada developer yang hendak membuat rumah dalam keadaan macam itu. Kita tidak ada pembeli kerana kita akan tunggu. Jadi, kita mesti benarkan harga rumah naik sedikit antara satu phase ke satu phase dan dari satu masa ke satu masa, tetapi walau bagaimanapun kerajaan mesti 'control' kenaikan ini supaya jangan keterlaluan dan terlampau mendadak sangat dan jangan terlampau 'artificial' sangat.

Jadi, di sinilah pihak kewangan dalam usaha untuk 'slam speculation' tentang harga rumah ini jangan terlampau keterlaluan kerana ia suatu

industri yang kalau sudah jatuh susah hendak membangunkannya balik. Dahulu saya masih ingat pada masa kita dalam keadaan susah dahulu kita panggil 'all the foreign investors' datang untuk membeli rumah dan 'properties' kita dan kita releks sahaja, tetapi sekarang ini apabila mereka sudah datang, kita tukar pula peraturan. Nanti besok, saya takut orang tidak yakin dan tidak percaya, kerana kita sekarang ini bukannya menghadapi cabaran di sini sahaja tetapi di tempat-tempat lain juga. 'Foreign investors' boleh pergi ke mana pun. Jadi, dalam soal dasar ini, biar kita berhati-hati supaya jangan sampai menjejaskan industri perumahan kita sendiri supaya kerajaan betul-betul berhati-hati dalam memikirkannya supaya tidak menjejaskan industri perumahan.

Tadi, saya bertanya dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan, masalahnya sekarang - hari itu Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri marah, kata pihak developer tidak hendak buat rumah murah, rumah kos sederhana tetapi sebenarnya yang bersalah ialah pihak Majlis Kerajaan Tempatan kerana yang meluluskannya ialah pihak Majlis Kerajaan Tempatan. Kalau saya sebagai developer, saya tentu akan cuba untuk mendapatkan pulangan yang paling maksimum, pulangan yang paling banyak dan saya akan buat cadangan dan yang meluluskannya ialah Majlis Kerajaan Tempatan. Bukannya saya yang meluluskan. Saya hanya buat cadangan.

Yang sepatutnya kita kena perhatikan ialah Majlis Kerajaan Tempatan, Dewan Bandaraya, Kerajaan-kerajaan Negeri dalam meluluskan pelan-pelan. Buatlah peruntukan, katakan rumah murah 30%, rumah sederhana murah tidak lebih daripada RM70,000 - 50%. Yang lain itu buatlah rumah mahal dalam 20%. Buatlah dasar yang macam itu. Dia suka dia buat, dia tidak suka, biarlah sahaja dalam keadaan macam itu.

Tetapi yang susahny kadang-kala, kita yang meluluskan, kita balik hendak marah dengan pihak swasta. Kita pula yang mengatakan pihak swasta tidak memikirkan soal perumahan rakyat dan sebagainya. Saya percaya, kalau semua kerajaan negeri, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri arahkan, kita tahu sekarang ini, yang kurang rumah sederhana rendah. Yang menjadi masalah ini, mereka yang dalam golongan sederhana ini. Golongan berpendapatan rendah sudah ada kuota dia. Golongan berpendapatan tinggi sudah ada duit sendiri tetapi golongan berpendapatan sederhana ini, tidak ada kuota-kuota tertentu.

Saya percaya, kalau dasar perumahan kerajaan, kalau dibuatkan satu dasar supaya dari segi kelulusan, katakan 60% ataupun 50% daripada rumah-rumah hendaklah rumah kos sederhana. Lepas itu, 30% rumah murah, lepas itu yang 20% ataupun 10% bolehlah rumah mahal. Saya tahu, rumah murah pun pihak developer boleh buat untung juga tetapi bila dia buat calculation, memang rugi jugalah. Dia tunjukkan pada kerajaan memang rugi tetapi yang dia jual, memang dia mendapat keuntungan. Memang ada keuntungan.

Saya bersetuju dengan Timbalan Perdana Menteri kata - memang, walaupun rumah murah pun, pihak pemaju memang mendapat keuntungan. Tetapi kadang-kala kalau kita releks, kalau pihak yang berkuasa, pihak kerajaan negeri, pihak Dewan Bandaraya, pihak majlis tempatan sendiri yang meluluskannya, dia hendak buat kondo harga RM500,000 pun kita luluskan, jadi tidak bolehlah dipersalahkan sangat kepada developers ini. Kita juga kena melihat kepada kita yang menandatangani kelulusan-kelulusan

pihak menteri-menteri besar, pihak yang di-pertua majlis-majlis daerah.

Saya percaya, esok Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri akan bertemu dengan pegawai-pegawai daerah, dapatlah memberikan garis panduan ini. Barulah kita boleh menangani masalah perumahan rakyat ini. Kalau tidak, sampai bila pun apabila buka sahaja satu projek perumahan murah, kalau ada 100 rumah murah, yang akan datang ialah 10,000 orang. Dia akan tunggu sampai pukul 2.00, 3.00 pagi untuk memohon rumah itu. Tetapi kalau sudah ada supply yang banyak, saya percaya kalau dikontrol betul-betul, kalau dimonitor betul-betul soal perumahan ini, ianya akan dapat diatasi.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya harap pihak Kementerian Kewangan dapat memikirkan soal kenaikan kadar tol. Tadi, Yang Berhormat Pandithan pun menimbulkan soal kenaikan harga tol. Yang Berhormat sebenarnya hendak tanya dengan Dato' Seri S. Samy Vellu, tetapi dia kata dengan Dato' Seri Anwar pun tidak apa, dia boleh tanya juga tentang kenaikan kadar tol.

Kita faham tentang apa yang terdapat dalam perjanjian itu. Dahulu, sebelum soal kenaikan kadar tol ini, tidak ada seorang pun bercakap fasal kena review selepas 5 tahun atau tiap-tiap 3 tahun. Dia kata review, bukan dinaikkan. Bukannya dinaikkan, dikaji.

Kalau saya boleh argue dengan pihak PLUSlah, satu: Saya percayalah, unjuran bilangan kereta yang menggunakan highway PLUS ini, saya fikir lebih banyak daripada apa yang pernah diunjurkan oleh pihak PLUS ini kerana secara

mendadak keadaan ekonomi negara telah pun berkembang 9% sejak 7, 8 tahun yang dahulu.

Dahulu, dalam unjuran PLUS, saya fikir dia tidak pernah jangka yang masuk kampung kereta-kereta dari Singapura, kereta-kereta dari Thailand, yang datang masuk menggunakan tol kita. Ini adalah pendapatan lebihan yang telah pihak PLUS dapat dan saya berharap, pihak kerajaan dalam memikirkan soal kenaikan tol ini supaya dapat memikirkan kepentingan rakyat.

Saya tahu, kita boleh argue. Apalah kadar tol, kalau di Kuala Lumpur, Malaysia ini, daripada Johor Bahru ke Bukit Kayu Hitam - RM45.00 lebih kurangnya. Kalau di negeri Jepun, kemungkinannya RM200.00 rasanya. Kita katakan kitalah kadar tol yang termurah sekali. Tetapi dalam kita argue seperti itu, kita mesti ingat, RM45.00 di Malaysia boleh menampung satu keluarga tetapi RM200.00 di Jepun tidak boleh menampung satu keluarga. Kita kena tengok cost of living pula.

Bila kita buat perbandingan, kitalah yang termurah sekali tetapi kita tidak tengok dari segi relation. Dari segi apa yang kita boleh buat dengan RM45.00. RM45.00 sepertimana yang saya katakan tadi, boleh menampung kehidupan satu keluarga untuk dua, tiga hari tetapi kalau dua....

Puan Mastika Junaidah binti Husin: *[Bangun]*

Tuan Ding Seling: Yang Berhormat, ada yang minta laluan. Silakan.

Puan Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan dari Tuan Rahim Baba, saya mungkin tidak dapat dengar dengan jelas tadi, adakah bayaran tol dari Bukit Kayu Hitam ke Johor Bahru

RM45.00 sahaja, yang saya dengar tadi?

Tuan Rahim bin Baba: Tidak, saya pun tidak pasti.

Puan Mastika Junaidah binti Husin: Tidak, saya rasa anggaran itu memang tidak tepatlah. Lebih daripada itu.

Tuan Rahim bin Baba: Berapa ringgit?

Puan Mastika Junaidah binti Husin: Kalau dari Kangar ke Melaka sudah RM70.00 lebih. Itu belum lagi Johor Bahru, Yang Berhormat.

Tuan Rahim bin Baba: Saya minta maaf. Saya masih kira 5 sen satu kilometer, sekarang ini sudah naik 7.5 sen. Maaf, saya tidak tahu. Dahulu saya kira, 5 sen kali dengan 900 sama dengan RM45.00. Sekarang ini 7.5. Yang hendak naik baru ini berapa Yang Berhormat Pandithan? Hendak naik 2.5 sen lagikah? Hendak naik 10 sen satu kilometer.

Jadi, dari segi logiknya, bilangan kereta sudah bertambah. Jalan macam itu juga. Dari segi baik yang saya katakan tadi, bilangan kereta masuk melalui Singapura dan collection sekarang ini saya difahamkan RM49 juta sebulan. Gaji pegawai-pegawai PLUS pun, saya difahamkan, gaji dan hendak beri bonus pun sampai 5, 6 bulan. Kalau tidak dapat untung banyak, takkan hendak beri bonus sampai 5, 6 bulan?

Memang dari segi keuntungan memang ada, memang banyak. Pada saya, kalau saya hendak persoalkan, sepatutnya kadar tol itu diturunkan lagi. Kalau dikaji, diturunkanlah Yang Berhormat, bukan dinaikkan kerana kereta sudah bertambah, PLUS pun mendapat banyak kemudahan.

Kalau tidak boleh pun, kalau kerajaan rasa tidak boleh pun, saya

percaya kerajaan boleh memikirkan supaya dipanjangkan jangka concession itu kerana saya difahamkan, 30 tahun. Jadi, takkanlah jalan ini akan tahan sampai 100 tahun. Takkanlah jalan yang kita buat ini, kita bayar ini untuk generasi yang akan datang? Biarlah generasi yang akan datang pun sama-sama menanggungnya sekali. Biar anak kita esok kena bayar tol, jangan pula sampai 30 tahun, PLUS serahkan kepada kerajaan, masa itu mereka sudah tidak bayar tol lagi.

Jadi, kalau tidak dapat pun, dipanjangkan tarikh konsesi ini supaya ianya tidak membebankan rakyat.

Sekarang ini pun, sudah membebankan, sudah pun terasa. Dahulu, kalau tol hendak naik pun, kita tidak marah, kita kata kita seronok. Tetapi apabila baru 3 tahun hendak naik besok, 3 tahun lagi naik dan 3 tahun lagi naik, saya percaya ini akan menyebabkan rakyat akan merasa kurang senang dengan kenaikan ini.

Begitu juga sekarang ini hendak buat highway dari Kuala Lumpur ke Pantai Timur sampai ke Pahang, Kuala Terengganu dan Kota Bharu. Ini pun seeloknya, jangan kita syok sahaja hendakkan satu highway, kita pun kena tengok detail concession dan perjanjiannya macam mana. Saya harap pihak kerajaan dapat memberitahu kepada Dewan Rakyat dan Dewan Negara dan kepada rakyat seluruhnya dalam masa 3 tahun selepas itu akan dibuat kajian semula tentang kadar-kadar ini supaya kita jangan terperangkap.

Yang ini dahulu pun kerana kita sudah tergesa-gesa dan saya tahu masalah PLUS ini dahulu, mula-mula highwaynya hanya RM3.2 bilion,

selepas itu, kosnya overrun sampai naik RM6 bilion dan itulah sebabnya dia minta tambahan ini. Kalau sudah ada cost overrun sampai kepada RM6 bilion, saya berharap pihak kerajaan dapat memanjangkan konsesi tol ini, jangan hanya 30 tahun, biar sampai 60 tahun, jadi kita dapat mengurangkan. Jadi, spreadnya lebih lama lagi.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kerana diberikan kesempatan kepada saya untuk memberikan pandangan-pandangan saya mengenai peruntukan tambahan yang diminta dan kita sama-sama meluluskannya. Semua pandangan yang telah pun saya beri adalah satu pandangan secara ikhlas dan saya berharap ianya akan mendapat perhatian ataupun mendapat tindak balas ataupun tindakan-tindakan susulan daripada pihak-pihak yang berkenaan. Dan juga saya berharap dan mempunyai keyakinan kepada keupayaan Kementerian Kewangan untuk mengendalikan soal kewangan negara dan saya percaya walau dalam apa keadaan sekali pun. Kita semua mengalu-alukan budget tambahan yang telah pun dibentangkan untuk tahun 1995 dan juga walaupun kita terpaksa meminta tambahan dari masa ke semasa. Walaupun tadi kata Yang Berhormat Datin Hajah Wan Intan, seolah-olah kita tidak mempunyai kecekapan dari segi membuat perancangan, tetapi saya percaya kekurangan-kekurangan yang terdapat di dalam budget ini bukanlah sesuatu yang disengajakan oleh pihak kerajaan.

Jadi, dengan kata-kata itu, saya dengan sukacitanya menyokong Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Ding Seling: Pihak Menteri Kewangan diminta jawab.

5.13 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1995) (No.2) 1995 iaitu Yang Berhormat Datuk Hashim bin Safin, Yang Berhormat Puan Mastika Junaidah binti Husin, Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali, Yang Berhormat Puan Kian Sit Har, Yang Berhormat Tuan Ding Seling, Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah binti Baheran, Yang Berhormat Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin, Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Salam bin Awang dan Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba yang turut juga mengambil bahagian.

Saya amatlah mengalu-alukan dan menghargai segala teguran dan pandangan serta saranan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan tambahan sebanyak RM160.6 juta diminta diluluskan di bawah Fasal 2, rang undang-undang ini adalah untuk Maksud Bekalan B.1, B.7, B.18, B.26, B.28, B.35, B.42, B.44, B.50, B.51 dan B.54. Dalam membahaskan rang undang-undang ini, saya perhatikan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyentuh hampir semua maksud-maksud bekalan yang terlibat dalam usul ini.

Di sini, saya bagi pihak semua kementerian yang terlibat, dalam anggaran perbelanjaan ini cuba memberi jawapan atau ulasan atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa

perbahasan. Jika sekiranya perkara-perkara yang tidak sempat saya jawab, saya percaya ianya telah diambil perhatian oleh kementerian-kementerian yang berkenaan untuk tindakan susulan sewajarnya.

Saya juga ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan akan juga membentangkan perutusan Belanjawan 1996 di Dewan yang mulia ini pada minggu hadapan. Ahli-ahli Yang Berhormat juga akan mempunyai peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan peruntukan 1996 bagi semua kementerian.

Isu-isu yang telah dibangkitkan adalah seperti berikut. Yang pertama ialah mengenai peruntukan khas bagi Yang Berhormat Ahli Dewan Undangan Negeri seperti yang telah diperuntukkan untuk Ahli Dewan Rakyat. Yang sebenarnya, peruntukan ini adalah diluluskan oleh Jabatan Perdana Menteri untuk melaksanakan projek-projek kecil di sesuatu tempat ataupun di sesuatu kawasan Parlimen. Peruntukan bagi melaksanakan sesuatu projek dibuat berasaskan kesesuaian, keperluan dan juga daya maju sesuatu projek itu.

Dalam hal ini, saya percaya Yang Berhormat Senator juga boleh memainkan bersama-sama dengan Ahli Parlimen kawasan dan juga pegawai daerah yang berkenaan untuk mengemukakan input-input atau cadangan-cadangan projek untuk dipertimbangkan oleh kerajaan berasaskan peruntukan yang ada mengikut kesesuaian dan keutamaan, sesuai bagi semua kementerian.

Bagi Yang Berhormat Senator yang tidak mempunyai kawasan, mungkin bolehlah berunding dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ataupun

Timbalan Perdana Menteri untuk melaksanakan sesuatu projek yang difikirkan perlu. Walau bagaimanapun, saya diberitahu bahawa berita yang paling baru sekali ialah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah mengambil maklum dan akan memberi pertimbangan atas permintaan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan Negara ini.

Mengenai bilangan penagih dadah yang dikesan di negara kita ini, sebenarnya bilangan penagih dadah yang dikesan di negara ini tidak dapat dipastikan secara tepat jumlahnya kerana ianya adalah sesuatu yang subjektif dan tidak semuanya yang terlibat itu tampil ke hadapan untuk pencegahan dan rawatan. Walau bagaimanapun, bilangan penagih dadah yang sedang mendapat rawatan di pusat-pusat serenti seluruh negara setakat 6hb. Disember 1995 ialah seramai 17,000,505 orang.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator yang telah memberi galakan tentang Operasi Zombes. Gerakan ini dijalankan secara berterusan bagi membersihkan bandar raya dan bandar-bandar besar di negara kita ini dari penagih-penagih tegar. Ini bermula dari bandar-bandar raya seperti Kuala Lumpur dan akan dilanjutkan ke Pulau Pinang, Johor Bahru dan Ipoh.

Mengenai pengedar HIV di pusat serenti, pada masa kini memang tiada pusat serenti khusus untuk penagih yang mengidap HIV. Walau bagaimanapun, bagi penagih yang dikesan pembawa HIV, mereka akan diberi rawatan dan kawalan yang sesuai.

Tentang kajian Akta Lembaga Penapisan Filem dan Akta Mesin Cetak, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak kerajaan akan mengkaji semula undang-undang yang sedia ada dan pindaan sewajarnya hanya dibuat apabila didapati sesuai.

Tentang komputer yang telah banyak diberi pandangan yang ada kaitan dengan Kementerian Pendidikan dan telah diberi banyak penekanan supaya diberi perhatian yang cukup bagi anak-anak kita di Malaysia, Kementerian Pendidikan sememangnya telah diberi penekanan kepada pembelajaran pendidikan di peringkat sekolah dengan tujuan untuk melahirkan pelajar-pelajar yang celik komputer.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek printis pelaksanaan komputer dalam pendidikan telah pun dilaksanakan sejak tahun 1989 dan akan dilaksanakan sepenuhnya kepada 110 buah sekolah mulai sesi pengajian 1995 dan 1996. Maka, soal komputer yang sedia ada itu sudah obsolete,

dengan izin, saya rasa akan juga selesai dengan pembekalan komputer baru ini. Jadi, dijangkakan menjelang tahun 1998 semua sekolah di seluruh Malaysia dapat melaksanakan komputer dalam pendidikan sebagaimana yang dirancang.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai lawatan rasmi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Afrika Selatan, untuk makluman Dewan yang mulia ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengadakan lawatan rasmi ke Afrika Selatan pada 21hb. hingga 25hb. Ogos, 1995 yang lalu. Lawatan ini adalah merupakan lawatan rasmi yang pertama diadakan oleh seorang Perdana Menteri Malaysia ke Afrika Selatan selepas kedua-dua buah negara menjalin hubungan diplomatik pada tahun 1993 yang lalu. Semasa lawatan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membawa bersama-sama seramai lebih kurang 250 anggota rombongan yang terdiri daripada tiga orang Menteri, dua orang Ketua Menteri dan Menteri Besar dan enam orang anggota Dewan Rakyat, pegawai tinggi kerajaan dan juga anggota sektor swasta. Lawatan ini merupakan...

Tuan Rahim bin Baba: [*Bangun*]

Tuan Ding Seling: Ya, Tuan Rahim Baba?

Tuan Rahim bin Baba: Saya hendak minta penjelasan sedikit. Lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Afrika Selatan itu adalah termasuk Ahli-ahli Dewan Negara sekali.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, mengikut rekod saya tidak termasuk Ahli Dewan Negara.

Tuan Rahim bin Baba: Sebab apa, dalam ingatan saya kami berlima pun turut sama. Mungkin itu lawatan yang lain atau adakah ianya lawatan yang sama?

Dato' Wong See Wah: Mungkin mengikut rekod ini menunjukkan enam orang anggota Dewan Rakyat dan kalau tersilap, mungkin ada lima orang Ahli Dewan Negara.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Pergi ke Afrika Selatan ini adakah dengan belanja sendiri atau dengan belanja kerajaan? Kalau dengan belanja sendiri, saya rasa ia tak masuk rekodlah. Kalau dengan belanja kerajaan, ia masuk rekod dan tentu kita tahu bulan berapa ramai pergi ke Afrika Selatan.

Puan Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, dalam ingatan saya, kalau saya tidak silap, seorang daripada Ahli Dewan Rakyat iaitu Yang Berhormat Tuan Ruhanie dan lima Ahli Dewan Negara.

Dato' Wong See Wah: Jadi, maknanya enam orang anggota Dewan.

Tuan Rahim bin Baba: Cuma saya ingin membuat penjelasan bukan kerana apa, janganlah kami yang mengikuti rombongan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri seolah-olah tidak termasuk di dalam senarai rasmi kerana dalam ingatan saya, kami Ahli Dewan Negara yang mengikuti Yang Amat Berhormat Perdana Menteri termasuk Yang Berhormat Tuan N. Marimuthu sebagai setiausaha kepada Senator yang pergi itu. Berapa orang Yang Berhormat?

Tuan N. Marimuthu: Lima orang. Kalau tidak salah saya lima orang.

Tuan Rahim bin Baba: Tidak. Saya hendakkan supaya rekod itu biar betul supaya jangan pula kehadiran kami itu seolah-olah tidak mewakili negara kerana perkara ini akan masuk *Hansard*. Nanti besok anak cucu kita tengok, dia kata, bapaknya kata dia ikut Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke South Africa tetapi yang ada di dalam *Hansard* yang dijawab oleh Timbalan Menteri

mengatakan tidak termasuk Ahli Dewan Negara. Jadi, itu...

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak menjelaskan hadapkanlah kepada Yang di-Pertua jangan hadap kepada Timbalan Menteri itu.

Tuan Rahim bin Baba: Saya minta maaf kerana saya tahu Dato' pun dahulu pernah menjadi Speaker, itulah sebabnya. Begitulah harapan saya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Ding Seling: Yang Berhormat Tuan Rahim Baba, kemungkinannya ialah seperti apa Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki katakan tadi iaitu kemungkinan pihak Senator pergi dengan belanja sendiri. Oleh yang demikian, tidak ada dalam rekod kerajaan.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya minta pihak yang berkenaan membuat satu kajian yang mendalam. Jangan timbul kemungkinan, kemungkinan di dalam Dewan ini iaitu satu sangkaan yang tidak tepat kepada hujah yang kita bincangkan pada petang ini.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada semua pandangan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan saya akan membetulkan *Hansard* ini ataupun membetulkannya secara bertulis kepada Speaker Dewan ini supaya kita mendapatkan satu rekod yang betul dan janganlah menimbulkan satu rasa yang tidak begitu puas oleh Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam rombongan ini. Lawatan ini merupakan satu titik tolak yang penting dalam hubungan dua hala di antara kedua buah negara di mana ianya telah berjaya mempertingkatkan hubungan kerjasama dua hala di antara kedua-dua buah negara dan di waktu yang sama telah berjaya mengenalpastikan beberapa bidang kerjasama terutama di bidang teknikal, perdagangan, pelaburan dan juga usahasama.

Semasa berada di Afrika Selatan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkesempatan mengadakan perbincangan dengan Presiden Nelson Mandela, Timbalan Presiden Tabue Emberque dan juga F.W. de Clerk. Perbincangan yang telah diadakan tertumpu ke arah mempertingkatkan hubungan dan kerjasama dua hala di antara kedua-dua buah negara dalam pelbagai bidang. Semasa pertemuan-pertemuan tersebut, pemimpin Afrika Selatan telah mempelawa pihak swasta Malaysia untuk turut serta dalam program pembangunan dan pembinaan semula Afrika Selatan dengan cara merebut peluang ekonomi dan juga pelaburan yang ditawarkan oleh negara tersebut selepas sekatan ekonomi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ke atas Afrika Selatan ditarik balik sepenuhnya pada pertengahan tahun 1994 yang lalu.

Di samping komitmen Kerajaan Malaysia untuk membantu masyarakat peribumi kulit hitam Afrika Selatan dalam proses pembangunan dan pembinaan semula negara tersebut terutama sekali dalam melatih mereka di bawah Program Kerjasama Teknik Malaysia (MTCP), pihak Afrika Selatan juga telah memberikan kepercayaan kepada Malaysia untuk terlibat dalam proses pembangunan semula Afrika Selatan terutama dalam membangunkan rumah kos rendah kepada masyarakat tempatan.

Di bidang perdagangan pula, lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membuka peluang dengan seluas-luasnya untuk Malaysia mempertingkatkan lagi perdagangan dua halanya dengan Afrika Selatan.

Sebagai contohnya, pada tahun 1994, perdagangan dua hala antara

Malaysia dan Afrika Selatan hanya berjumlah RM39 juta. Tetapi bagi tujuh bulan pertama tahun 1995, ia telah meningkat kepada RM667 juta. Peningkatan yang besar ini menjadikan Afrika Selatan adalah merupakan rakan perdagangan Malaysia yang terpenting sekali di Benua Afrika. Adalah dijangkakan jumlah perdagangan dua hala ini di antara kedua-dua buah negara akan terus meningkat dan dijangkakan mencapai angka RM1 bilion sebelum tahun 2000. Adalah dijangka jumlah perdagangan ini akan terus meningkat di masa-masa akan datang memandangkan kedua-dua buah negara mempunyai hubungan yang baik dan ditambah pula kedua-dua negara saling memerlukan barang keluaran masing-masing.

Di bidang pelaburan pula dengan turut sertanya seramai 150 orang anggota pihak swasta dalam rombongan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Afrika Selatan tersebut di samping seminar perdagangan yang diadakan oleh pihak swasta tersebut semasa berada di Johannesburg dan Cape Town, di mana ianya telah berjaya menghasilkan hubungan di antara ahli-ahli perniagaan Malaysia dengan rakan sejawat mereka di Afrika Selatan. Semasa lawatan ini juga, sebanyak 15 perjanjian dan memorandum persefahaman untuk mewujudkan projek usaha sama dan pelaburan di Afrika Selatan telah ditandatangani oleh pihak swasta kedua-dua buah negara. Bidang pelaburan dan usaha sama yang telah dipersetujui oleh pihak swasta tersebut termasuklah di bidang hartanah, perhotelan, perkilangan, pemerosesan makanan, pembinaan kapal, kewangan dan perbankan. Memandangkan kedudukan politik Afrika Selatan kini stabil serta sistem perdagangan yang agak liberal

ditambah pula dengan kedudukan ekonomi yang kukuh lagi strategik di rantau selatan Benua Afrika, maka lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Afrika Selatan pada 21hb. hingga 25hb. Ogos, 1995 yang lalu adalah tepat pada masanya bagi membolehkan Malaysia mempertingkatkan hubungan kerjasama dua hala yang rapat dengan negara tersebut dan dalam waktu yang sama turut merebut peluang-peluang ekonomi yang ditawarkan oleh negara berkenaan.

Kita boleh simpulkan bahawa lawatan rasmi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Afrika Selatan pada 21hb. hingga 25hb. Ogos, 1995 telah mencapai matlamat dalam menjalin hubungan dan kerjasama yang rapat dengan Afrika Selatan dan dalam waktu yang sama telah berjaya mengenalpastikan peluang-peluang ekonomi, perdagangan dan pelaburan untuk faedah Malaysia sendiri.

Mengenai perpindahan pertubuhan AFPPD ke bawah naungan Parlimen...

Tuan Haji Sairin bin Karno: *[Bangun]*

Tuan Ding Seling: Yang Berhormat, Tuan Haji Sairin bin Karno minta laluan.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, mohon penjelasan. Selepas lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri daripada 21hb. hingga 25hb. Ogos 1995, berapakah jumlah MOU yang ditandatangani dan sehingga hari ini berapakah yang telah dilaksanakan dan seberapa lagi tentang RM1 bilion tadi, berapakah jumlah projek yang bernilai RM1 bilion yang telah dilaksanakan?

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, 15 MOU telah ditandatangani dan setakat hari ini sama ada MOU ini telah dijalankan, dilaksanakan ataupun tidak adalah terlalu awal untuk kita memberi tafsirannya dan saya rasa perlulah kita memberikan sedikit masa supaya semua MOU ini dapat dilaksanakan.

Mengenai perpindahan Pertubuhan AFPPD ke bawah naungan Parlimen, untuk makluman Dewan, AFPPD pada mulanya tidak didaftar di luar Parlimen. Semenjak akhir 1993 ataupun awal 1994, AFPPD telah didaftarkan dengan Pendaftar Pertubuhan oleh jawatankuasa pada masa itu dan berpejabat di luar Parlimen. Aktiviti-aktiviti juga di luar pengetahuan Parlimen walaupun ahli-ahlinya adalah terdiri daripada Ahli-ahli Parlimen.

Keputusan untuk menempatkan AFPPD di bawah Parlimen semula adalah dengan arahan daripada Jemaah Menteri dan tindakan-tindakan sedang diambil untuk melaksanakan arahan...

Datuk Haji Ibrahim bin Haji Ali: [*Bangun*]

Tuan Ding Seling: Yang Berhormat, Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Haji Ali minta laluan.

Datuk Haji Ibrahim bin Haji Ali: Saya hendak betulkan rekod tadi, Tuan Yang di-Pertua. Jangan for the sake of answer, maka cari jawapan. Kalau jawab mengatakan bahawa kegiatan AFPPD di luar pengetahuan Parlimen, itu tidak betul dan bohong. Ini jawapan daripada Parlimen, saya percaya. Mungkin Yang Berhormat baca bagi pihak Parlimen. Itu tidak betul. Semua kegiatan dalam pengetahuan Parlimen. Speaker Dewan Rakyat,

Setiausaha Dewan Rakyat yang sebelumnya, mesyuarat dibuat di Dewan Rakyat, bila dibuat seminar dimaklumkan. Orang-orang yang berpelajaran kalau bercakap bohong malulah!

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, saya ambil maklum sahaja. Terima kasih. Oleh kerana perpindahan ini belum selesai, maka jawatankuasa baru belum dapat menyusun aktiviti yang sewajarnya.

Mengenai penyertaan dan aktiviti Commonwealth Parliamentary Association (CPA) Cawangan Malaysia dan Inter-Parliamentary Union (IPU) Cawangan Malaysia, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kedua-dua pertubuhan ini mempunyai jawatankuasa tersendiri dan segala aktiviti adalah ditentukan oleh jawatankuasa-jawatankuasa kerja tersebut. Sekiranya ada apa-apa aktiviti yang difikirkan perlu dipergiatkan, maka adalah dinasihatkan supaya Ahli-ahli Yang Berhormat membawa perkara itu ke perhatian jawatankuasa tersebut ataupun pada mesyuarat-mesyuarat agung masing-masing.

Tentang pengindahan kawasan di Parlimen Malaysia, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini suatu projek pengindahan landscaping sedang berjalan untuk mengindahkan kawasan Parlimen. Projek ini adalah dibahagikan kepada tiga fasa dengan peruntukan RM1.6 juta yang dijangka akan siap pada akhir tahun hadapan.

Mengenai konsep program PPR, PPR merupakan salah satu daripada program di bawah Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) bertujuan untuk menyediakan kemudahan kediaman kepada keluarga termiskin yang layak berdaftar dalam daftar asas PPRT. Sama ada membina baru atau membaikpulihkan kediaman yang tidak selamat diduduki ataupun daif. Apakah kejayaan program ini misalnya dari segi bilangan keluarga yang mendapat manfaat? Sehingga 1994 sebanyak 29,664 buah rumah telah dibina semula dan dibaik pulih. Pelaksanaan mengikut tahun adalah seperti berikut, iaitu daripada

tahun 1991 hingga 1994, jumlah yang dibina semula ialah 19,061 buah. Jumlah untuk pemulihan sahaja ialah 10,603 buah. Pada keseluruhannya, jumlah yang terlibat itu ialah 29,664 buah rumah. Jumlah ini tidak termasuk bilangan yang sedang dilaksanakan pada tahun 1995 yang melibatkan sebanyak 4,161 buah rumah. 2,147 buah dibina semula dan 2,014 buah adalah pemulihan. Ini bermakna sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Keenam, dijangka seramai 33,825 buah keluarga akan mendapat manfaat daripada segi penyediaan tempat tinggal ataupun kediaman.

Sehingga tahun 1994 sebanyak RM77.119 juta telah dibelanjakan daripada peruntukan sebanyak RM90 juta. Peruntukan yang disediakan pada tahun 1995 ialah RM15.6 juta dan dijangka dapat dibelanjakan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, apakah kerajaan tidak bercadang untuk menaikkan kadar bagi membina.....

Tuan Haji Sairin bin Karno: *[Bangun]*

Tuan Ding Seling: Yang Berhormat, Tuan Haji Sairin minta laluan, silakan.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan daripada RM77.119 juta yang telah dibelanjakan untuk PPRT berapakah jumlah yang telah diberikan atau diagihkan kepada negeri Sabah dan negeri Sarawak? Terima kasih.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempunyai angka yang ada kaitan dengan ini dan saya akan memberitahu kepada Ahli Yang Berhormat secara bertulis.

Apakah kerajaan tidak bercadang untuk menaikkan kadar bagi membina dan membaik pulih rumah di bawah program ini kerana kos RM3,000

sekarang tidak mencukupi? Jawapannya ialah kerajaan sedar bahawa kadar yang diperuntukan sekarang ialah RM3,000 bagi Semenanjung dan RM3,750 bagi Sabah, Sarawak, Wilayah Persekutuan Labuan untuk membina semula sebuah rumah serta RM1,500. Bagi Semenanjung RM2,250 bagi Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan untuk membaiki sebuah rumah adalah tidak mencukupi.

Kenaikan kos tambahan bahan binaan menambahkan bilangan bilik bagi sesebuah rumah serta keperluan melengkapkan rumah dengan kemudahan tandas, bekalan air dan bekalan api serta memperbaiki kaedah pelaksanaan secara gotong-royong merupakan faktor-faktor yang diambilkira oleh pihak kerajaan, di dalam mengkaji semula kadar bantuan untuk membina semula dan membaiki pulih rumah di bawah Program PPRT ini.

Mengenai orang Penan, orang yang miskin yang diibaratkan 'kais pagi, makan pagi; kais petang, makan petang'.....

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: *[Bangun]*

Tuan Ding Seling: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Datuk Haji Ibrahim bin Ali.....

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Saya minta penjelasan sekali lagi sebab, Tuan Yang di-Pertua, kawan-kawan saya tanya bersabit dengan perkara yang berbangkit tadi, sebab soalan yang dijawab ialah soalan yang saya kemukakan.

Saya belum puas hati dari segi jawapan, sebab saya tidak menerima apa-apa reaksi daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ahli-ahli Parlimen baik Dewan Negara ataupun Dewan Rakyat, ahli-ahli politik ini daripada berbagai parti, kita hidup dalam negara demokrasi.

Sebagai ahli Parlimen kita bebas untuk bergiat membuat apa-apa aktiviti. Apakah aktiviti-aktiviti Ahli-ahli Dewan Negara dan Ahli-ahli Dewan Rakyat, Speaker Dewan Rakyat ataupun Setiausaha Dewan Rakyat semua kena tahu, sebab AFPPD ini (ASEAN Forum of Parliamentarian on Population and Development) adalah satu pertubuhan yang diwujudkan di Jepun dan ada berperlembagaan di mana negara-negara yang menjadi ahli mesti ada persatuan sendiri.

Kita di sini tidak mengamal seperti setengah-setengah negara lain yang mengamalkan sistem Parlimen di mana kita ada Standing Committee. Kita di sini ada jawatankuasa Parlimen, Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC), yang lain kita tidak ada, Foreign Affairs Committee, Finance Affairs Committee dan Malaysia berada dalam AFPPD ini tanpa sebuah pertubuhan yang didaftarkan.

Di negara-negara lain yang menjadi anggota berdaftar dan kita ahli Parlimen sebagai rakyat, kita boleh berdaftar, kita hendak bergerak kita daftar, kita buat, ikut kitalah. Mengapa Parlimen hendak kontrol apa pasal? Kalau hendak kontrol, hendak sibuk, tetapi kalau cergas aktif tidak apa. Saya agak terkilan sebab ianya berkait dengan penglibatan saya, sebab saya yang mengasas dan dalam pengetahuan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri waktu persatuan ini dibentuk dahulu. Saya mengambil inisiatif mengumpulkan Ahli-ahli Parlimen seluruh dunia hendak mengharumkan nama negara buat seminar di Malaysia untuk kita menyertai forum-forum antarabangsa, membela negara kita dalam berbagai-bagai isu dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberi kelulusan kita menubuhkan pertubuhan ini, tinggal lagi selepas pilihan raya umum, saya tidak berjaya di kawasan saya, saya tidak menjadi anggota Dewan Rakyat. Ada pihak mengambil kesempatan menarik balik dan memutar belit cerita AFPPD ini.

Saya tidak kisah Tuan Yang di-Pertua, mungkin dahulu tidak berani hendak bersuara sebab kita sedang menjalankan persatuan ini, mungkin tidak berani sentuh pada waktu itu. Ini Setiausaha Dewan Rakyat melepaskan

komen-komen atau kenyataan secara informal yang sampai ke telinga saya, saya anggap tidak bertanggungjawab. Saya maklumkan sahaja sebab Setiausaha Dewan Rakyat itu dia tidak boleh jawab betulkah? Dia mesti serah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab, saya hendak minta Ahli-ahli Dewan Negara tahu, Ahli-ahli Dewan Rakyat tahu. Sebab saya korbankan masa, inisiatif dan bila kita mengadakan forum di peringkat antarabangsa dalam negara kita, mencari wang sendiri bantuan di luar, hanya semata-mata atas prihatin kita pada negara, itupun tidak dihargai, malah cuba hendak dikotori dengan maklumat yang tidak benar dan membuat report sehingga dibawa ke Kabinet seolah-olah kita ini tidak bertanggungjawab. For record's sake, Tuan Yang di-Pertua, saya sebut perkara supaya masuk *Hansard*, and I will be full responsible for what I am saying, dengan izin. Terima kasih.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Datuk Haji Ibrahim bin Ali mengenai pandangan AFPPD dan saya percaya kerajaan memang mengambil pandangan yang serius dan tindakan telah diambil untuk mewujudkan balik supaya kegiatan-kegiatan yang diharapkan itu dapat dikembalikan semula.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai usaha kerajaan untuk membuka tanah dan hutan di Sarawak pada satu masa ketika untuk memberi kemudahan dan membawa kemudahan-kemudahan moden ke sekolah dan memberikan cara-cara hidup moden supaya dapat diperkenalkan kepada orang Penan pada satu ketika dahulu mendatangkan satu tekanan yang begitu hebat daripada negeri-negeri luar.

Saya memang amat sukacita kepada Ahli Yang Berhormat dari Sarawak itu telah memberi sokongan dan telah merayu kepada kerajaan supaya cara hidup, supaya kemudahan-kemudahan yang moden itu dapat dibawa masuk ke kawasan-kawasan yang didiami oleh orang Penan ini. Seperti yang dikatakan Orang-orang Asli itu, pada masa itu difikirkan patut kita kekalkan supaya keadaan yang semula jadi itu diberikan kepada orang Penan dan mereka

tidaklah duduk seperti kita yang di luar menikmati kemudahan-kemudahan yang moden. Jadi, saya percaya hasrat Yang Berhormat itu akan dapat diwujudkan tidak lama lagi dan usaha yang begitu hebat itu telah diusahakan supaya dapatlah kita membangunkan masyarakat dengan pembangunan fizikal dan sebagainya.

Tuan Haji Sairin bin Karno: *[Bangun]*

Tuan Ding Seling: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Tuan Haji Sairin bin Karno minta penjelasan.

Dato' Wong See Wah: Ya.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin penjelasan berapa luaskah tanah yang telah dibangunkan, dikhususkan untuk orang-orang Penan ini? Apakah mereka berpuas hati dengan tindakan kerajaan ini?

Dato' Wong See Wah: Saya harap, saya dapat beri semua angka-angka yang begitu komplikated ini. Tidak apalah saya akan cari balik dan saya akan berikan jawapan secara bertulis kepada Yang Berhormat.

Mengenai soal yang ditimbulkan tentang Kementerian Perusahaan Utama iaitu yang ada kaitan dengan potongan kayu yang baki ataupun buangan dibiarkan sahaja dan orang-orang yang berminat yang cuba hendak menggunakan kayu seperti ini untuk satu-satu tujuan dan telah ditahan dan tidak dibenarkan oleh Jabatan Perhutanan. Saya percaya ini adalah sesuatu yang ada kaitan dengan cukai atas perkayuan, bahan-bahan kayu ataupun pokok kayu yang di bawah bidang kuasa kerajaan Sarawak dan mungkin ini adalah menjadi satu masalah yang remeh temeh yang tidak menguntungkan kerajaan dan kalau dijalankan usaha mengenakan cukai atas kayu yang seumpama ini akan tidak merugikan kerajaan dan saya rasa ini adalah di bawah bidang kuasa kerajaan Sarawak dan saya percaya juga Kementerian Perusahaan Utama akan mengambil perhatian dalam perkara ini. Mungkin satu cadangan yang baik iaitu menggunakan bahan yang merupakan tidak berguna lagi dapat digunakan supaya dapat digunakan secara penuhnya dalam zaman di mana kita menghadapi kekurangan bahan-bahan mentah khususnya dari segi kayu balak.

Mengenai pendaftaran kad pengenalan di kawasan pedalaman Sarawak dan juga berkaitan dengan pendaftaran pengundi di kawasan yang berkenaan, kerajaan memang menyedari masalah

yang dihadapi oleh penduduk-penduduk pedalaman di Sarawak. Jadi, bagi membantu mereka, Jabatan Pendaftaran Negara sentiasa mengadakan lawatan ke kawasan pedalaman dan dari semasa ke semasa.

Dari segi yang lain, Ahli-ahli Yang Berhormat juga boleh membuat permohonan dan perbincangan dengan pihak Jabatan Pendaftaran Negeri Sarawak untuk menyusun program lawatan ke tempat-tempat yang ada kaitan dan kalau sekiranya usaha ataupun kempen untuk pendaftaran kad-kad pengenalan yang baru dapat dijalankan dan selesai dan ini akan juga menyelesaikan masalah pendaftaran sebagai seorang pengundi kerana telah memperolehi kad pengenalan.

Saya percaya permintaan supaya kerusi Speaker itu diberi peluang kepada wanita, memang akan mendapat kajian dan perhatian daripada pihak kerajaan. Tentang gerakan koperasi di sekolah dan sebagainya iaitu supaya diminta guru-guru yang terlibat dapat diberi galakan ataupun motivasi. Sebenarnya jawatan guru koperasi di sekolah adalah satu tanggungjawab guru selain daripada tugas pengajarannya, maka penilaian prestasi guru adalah didasarkan kepada sejauh manakah seorang guru dapat menjalankan tanggungjawabnya dengan berkesan tanpa mengira apa jawatan yang dipegang dan saya percaya pihak PIBG dan pihak sekolah itu mungkin dapat mengadakan pelbagai motivasi dan galakan supaya prestasi guru-guru berkenaan dapat ditingkatkan. Walaupun di samping itu kerajaan telah berusaha supaya dapatlah ditingkatkan asas-asas kemudahan dapat diberikan...

Puan Hajah Rahaiah binti Baهران: *[Bangun]*

Tuan Ding Seling: Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada..

Dato' Wong See Wah: Biar saya habis dahulu. Ditingkatkan kepada golongan guru supaya dapatlah mereka ini menikmati....

Tuan Ding Seling: Boleh beri laluan tidak, Yang Berhormat?

Dato' Wong See Wah:satu ganjaran yang lebih baik, gaji yang lebih baik daripada apa yang kita terima sekarang.

Tuan Ding Seling: Silakan Puan Rahaiah.

Puan Hajah Rahaiah binti Baهران: Saya ingin penjelasan berkenaan dengan penilaian terhadap guru-guru koperasi tadi. Mengikut maklumat yang diterima bahawa penilaian tersebut diberi kepada kerja ko-kurikulum yang lain tetapi apabila seseorang guru itu menjadi guru koperasi mata pelajaran wajib juga pun tidak dikurangkan. Jadi, saya minta penjelasan sebegini dan jika didapati bahawa ada guru-guru koperasi yang memang tidak mendapat kelebihan ataupun kemudahan ataupun

penilaian yang sewajarnya atas kerja-kerja yang tersebut diberi penilaian tambahan. Sekian, terima kasih.

Tuan Ding Seling: Silakan.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, guru-guru di satu-satu sekolah telah selalunya ditugaskan dengan kerja ko-kurikulum seperti menjadi guru koperasi ataupun menjadi guru persatuan, menjadi guru pengakap dan sebagainya. Kalau kita menumpukan perhatian hanya untuk guru koperasi sahaja mungkin kita menganaktirikan guru-guru yang lain dan saya rasa dari segi inilah kita melihat masalah dari segi Kementerian Pendidikan.

Tentang cadangan supaya didirikan masjid yang canggih dan usahawan kecil diberi perhatian yang lebih teliti dan pemberian, peruntukan bagi luar bandar. Cadangan daripada Tuan Haji Abdul Salam, saya rasa semua perkara ini telah diambil perhatian oleh pegawai kerajaan.

Dan seterusnya saya masuk pandangan daripada Yang Berhormat Tuan Rahim Baba berkaitan dengan pemberian peruntukan kepada Maksud P.7 Jabatan Perdana Menteri sebanyak RM6.4 juta dan jabatan-jabatan yang telah ditimbulkan. Sebenarnya peruntukan tambahan sejumlah RM65.4 juta tersebut adalah diperuntukkan bagi Hal Ehwal Undang-undang, Jabatan Perdana Menteri yang baru diwujudkan berikutan keputusan kerajaan membubarkan Kementerian Undang-undang selepas pilihan raya umum yang lalu.

Pada masa yang sama, sebanyak RM65.4 juta di bawah Kementerian Undang-undang B.48 dibekukan melalui waran sekatan. Begitu juga apabila berlakunya jabatan ataupun agensi bertukar dari satu kementerian ke kementerian yang lain, maka apa yang berlaku ialah peruntukan yang sedia ada di kementerian lama, hendaklah dibekukan melalui waran sekatan dan sejumlah peruntukan baru yang sama jumlahnya akan disediakan di bawah kementerian yang baru. Jadi, dengan cara ini sebenarnya tidak berlaku pertambahan perbelanjaan berikutan perpindahan agensi ataupun jabatan tersebut.

Apa yang berlaku hanyalah book entry, dengan izin dalam akaun awam kerajaan. Ini adalah merupakan peraturan kewangan kerajaan apabila berlaku penyusunan semula tugas-tugas Menteri melalui perintah Menteri-menteri Kerajaan Persekutuan dibuat di bawah Seksyen 2 Akta Tugas-tugas Menteri 1969.

Mengenai pelaburan kelapa sawit di luar negeri oleh syarikat-syarikat perladangan perlu diselenggarakan. Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang berkenaan atas pandangan dan nasihat yang telah dikemukakan yang sebenarnya kerajaan memanglah berterima

kasih kerana pandangan ini dan Kementerian Perusahaan Utama kini sudah mulai menyelaras aktiviti-aktiviti seumpama ini sebagai satu langkah awal maklumat-maklumat pelaburan oleh syarikat-syarikat yang berkenaan sudah mula dikumpul oleh kementerian supaya dapat dijalankan kajian dan dapat juga diwujudkan, digubal dasar-dasar yang tertentu ataupun garis panduan tertentu digubal untuk kegunaan di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kekurangan buku teks dan peralatan yang dihadapi sekarang, yang sebenarnya kekurangan buku teks hanya melibatkan mata pelajaran yang baru diperkenalkan, seperti Sains dan Kajian Tempatan untuk Tahun Lima. Walau bagaimanapun, langkah-langkah sudah diambil untuk memastikan bahawa menjelang Januari 1996 masalah ini akan dapat diatasi. Sama ada masalah seperti ini, kekurangan kerusi, bilik dan sebagainya adalah lebih teruk di bandar ataupun di luar bandar. Pada jangkauan yang kita ketahui ialah oleh kerana pertambahan penduduk di bandar-bandar besar, maka kekurangan bilik yang kita hadapi itu memanglah sewajarnya. Cuba kita perhatikan apakah keadaan seperti ini berlaku di luar bandar. Nampaknya adalah tidak begitu serius.

Saya ucapkan terima kasih kepada pandangan yang telah dikemukakan mengenai sama ada biar semua perkara adalah sama, sama ada syarikat bumiputera dengan satu syarikat joint venture itu manakah syarikat yang akan diberikan keutamaan. Sebenarnya usaha kerajaan itu memang jelas. Setakat ini kerajaan adalah untuk meningkatkan lagi penyertaan syarikat bumiputera dalam segala bidang, baik di bidang industri, manufacturing, industri perkhidmatan, dan sebagainya. Ini memang tidak berubah. Apa yang dilakukan dalam Kementerian Pembangunan Usahawan itu dalam menggalakkan supaya syarikat joint venture antara bumiputera dan bukan bumiputera itu diwujudkan dan dijalankan satu-satu aktiviti yang benar-benar boleh mencerminkan satu generasi baru Malaysia ini dapat diwujudkan. Difikirkan juga, dengan adanya kerjasama seumpama ini dapatlah saling menjalin perhubungan di antara satu sama lain selain daripada dapat mempelajari pengalaman dan nilai-nilai baik di antara satu sama lain. Ini memang satu usaha yang baik. Saya percaya usaha seperti ini akan digalakkan. Ini adalah tidak boleh dicampur sebagai satu langkah usaha kerajaan untuk kita memberhentikan usaha kerajaan supaya meningkatkan lagi penyertaan bumiputera dalam bidang perusahaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga tertarik hati dengan pandangan mengenai pengambilan HICOM oleh syarikat bumiputera, iaitu Tan Sri Yahya. Sebenarnya ini adalah bukti yang paling kukuh sekali di mana yang boleh kita nampak usaha kerajaan untuk membantu supaya masyarakat bumiputera

itu dapat memegang dalam satu-satu bidang industri. Hanya dengan adanya bantuan dan pertolongan ataupun panduan seumpama ini, barulah kita nampak ada sedikit-sebanyak hasil yang kita harapkan supaya negara ini bolehlah juga berasa bangga, di mana dapat juga pelbagai bangsa yang boleh menceburi diri dalam pelbagai bidang. Ini memang boleh dinampak sebagai satu kejayaan yang baik yang sangat disanjung tinggi oleh negara-negara yang lain.

Membuat pandangan supaya diwujudkan satu kumpulan bumiputera dan diberikan kemudahan tertentu supaya dalam kita menggalakkan penyertaan bumiputera dalam bidang perniagaan adalah satu pandangan yang memang telah dijalankan dan mungkin ada juga yang boleh diperbaiki dengan cara pelaksanaan. Kita ambil maklum dan akan memberi perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai rumah kos rendah. Setakat ini kerajaan telah menyiapkan beberapa dana. Yang pertama kita namakan ianya sebagai rumah kos rendah RM600 juta. Ini adalah terdiri daripada RM300 juta itu adalah derma daripada korporat, dan sumbangan RM300 juta itu adalah daripada pihak kerajaan dan ini dijadikan satu dana untuk mendirikan flat ataupun rumah pangsa ataupun rumah kos rendah oleh pihak kementerian.

Begitu juga pihak Bank Negara telah siapkan satu dana yang berjumlah RM500 juta. Itu adalah tabung pusingan, di mana diberikan kepada semua pengusaha dan pemaju yang melibatkan diri dalam bidang pembinaan rumah kos rendah. Syarat-syarat tertentu yang menarik akan diberikan untuk tujuan sebagai satu galakan. Begitu juga kerajaan dalam Budget ini telah tambahkan RM1 bilion lagi untuk menjadikan satu tabung, satu dana lagi berjumlah semua sekali RM2 bilion yang bertujuan juga untuk membina rumah kos rendah rumah-rumah pangsa, flat dan sebagainya untuk golongan yang berpendapatan rendah.

Berbagai-bagai rancangan telah diusahakan. Setakat ini di Johor Bahru, Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Kota Bharu, Kuching dan sebagainya supaya dapat diberikan rumah-rumah pangsa dan rumah kos rendah dan dapat disewa-beli ataupun disewa dan dan sebagainya kepada golongan yang kita sarankan.

Mengenai levi RM100,000 yang dikenakan atas penjualan harta rumah, tujuan ini ialah untuk dapat kita melambatkan lagi supaya harga rumah itu dapat kita kawal. Seperti yang telah kita maklumkan keadaan yang kita nampak di Kuala Lumpur, floors space yang terdapat untuk komersil dan untuk kondominium di Kuala Lumpur itu difikirkan sudah berlebihan. Tetapi walaupun begitu, harganya tidak berubah, tidak turun. Ini telah menjadi satu keadaan yang tidak begitu sihat

kerana yang difikirkan kalau ini berterusan begitu, satu keadaan yang kita tidak ingin lihat mungkin akan berlaku.

Jadi, dengan tujuan yang demikian, setelah dikaji dan setelah diberikan analisa, difikirkan adalah wajar untuk mengenakan levi RM100,000 itu atas pembelian oleh orang-orang asing di Malaysia. Mungkin ada negeri-negeri yang telah menunjukkan pandangannya yang mengatakan tidak ingin mengenakan levi ini atas pembelian oleh orang-orang asing, tetapi saya percaya Kerajaan Persekutuan akan berunding lagi dengan negeri-negeri yang terlibat khususnya Kerajaan Sabah yang sebenarnya sebelum ini telah bersetuju dengan perintah ini.

Saya juga percaya kerajaan-kerajaan negeri akan memberi sokongan yang baik tentang perintah ini kerana ini memang ada baiknya untuk kita mengawal dan menjamin supaya anak-anak negeri kita ini akan dapat peluang untuk membeli rumah dengan harga yang berpatutan.

Cadangan supaya levi ini dikenakan berdasarkan kepada peratus, memang adalah satu cadangan yang baik dan mungkin kita akan mengambil perhatian dan juga saya suka memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini iaitu satu pindaan rang undang-undang akan diadakan dalam sesi ini supaya semua kerajaan negeri dapat menjalankan dan melaksanakan levi RM100,000 ini atas pembelian rumah ini dan mungkin perlu saya tambahkan juga ialah levi ini adalah dikenakan hanya untuk rumah kediaman sahaja.

Bagi harta seperti rumah-rumah kilang ataupun rumah-rumah komersil adalah dikecualikan. Jadi, dengan penjelasan ini saya percaya segala kerugian yang berlaku itu mungkin dapat kita jelaskan.

Mengenai Perwaja Terengganu, adalah setakat ini secara kumpulan, syarikat ini telah mengalami kerugian lebih kurang melebihi RM300 juta. Ini adalah disebabkan oleh kerana beberapa sebab, faktor yang utama

ialah kerana susutnilai asetnya. Dan yang kedua, ialah kerana kadar faedah yang berlaku di atas pinjamannya itu juga menjadi satu beban yang sangat berat atas profit and loss accountnya. Dan faktor yang ketiga, ialah kerana kadar pertukaran matawang asing, itu pun menjadi satu sebab juga yang memburukkan lagi kerugian Perwaja Terengganu.

Satu lagi, yang menyebabkan kerugian yang besar itu ialah kerana penutupan loji yang penting itu telah juga menyebabkan kerugian-kerugian yang besar. Maka memang ada orang yang mempersoalkan sama ada ini adalah betul ataupun tidak, dari segi pandangan pihak kerajaan, ini adalah merupakan satu usaha industri yang strategik bagi negara kita, maka walaupun dalam keadaan begitu, kerajaan memang akan mengambil berat tentang keadaan yang dialami oleh Perwaja.

Setakat ini kerajaan telah melantik seorang juruperunding audit untuk mengkaji keadaan kumpulan Perwaja dan kerajaan tidak akan membuat sebarang keputusan sama ada Perwaja akan diswastakan ataupun kerajaan akan mengambil satu-satu keputusan yang lain belum dapat kita tentukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setakat itu sahajalah, kalau ada apa-apa
....

Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, soalan tambahan, tentang kerugian yang dialami itu, boleh atau tidak dinyatakan secara detailnya, misalnya susutnilai itu berapa banyak kerugiannya, tukaran mata wang dan sebagainya itu. Jadi, kita dengar sekarang secara rambang sahaja

kerugian RM300 juta, lebih baik diperincikan tentang kerugian itu.

Tuan Ding Seling: Minta penjelasan ya, bukan soalan tambahan.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, secara terperinci itu memang tidak dapat saya kemukakan kepada Tuan Yang di-Pertua, tetapi Perwaja ini memang mempunyai beberapa anak syarikatnya dan yang sebenarnya berfungsi itu secara kumpulan. Sebenarnya yang berfungsi itu ialah PSSB iaitu Perwaja, Syarikat Steel Berhad. Jadi, ini adalah satu-satu syarikat yang menjalankan kegiatan integrated steel mill, di mana Eric Chia telah dilantik sebagai eksekutif untuk mendirikan kilang-kilang yang saling berkait antara satu dengan yang lain dalam proses pengeluaran steel mill itu.

Bagi pihak Eric Chia itu, memang mission itu ataupun tugas itu telah dicapai, iaitu untuk mendirikan kilang-kilang yang ada kaitan dikala itu. Dan dengan itu, Eric Chia telah menawarkan supaya ia berhenti menjadi sebagai seorang eksekutif.

Setakat ini syarikat ini memang berjalan seperti biasa dan segala usaha telah dijalankan supaya setakat apa sahaja yang dapat kita pulihkan sambil kita menunggu keputusan ataupun kajian itu yang dijalankan oleh jurupakar, juruperunding audit itu dan usaha seperti kita pihak lembaga menghentikan satu-satu tender yang difikirkan tidak begitu sesuai ataupun merunding semula tentang satu-satu tender yang telah ditawarkan ataupun menamatkan satu-satu tender yang difikirkan tidak berpatutan. Jadi, ini adalah sedikit sebanyak usaha yang telah dijalankan setakat ini. Kalau Ahli Yang Berhormat Senator yang berkenaan masih berminat lagi mungkin bolehlah dijawab secara

bertulis untuk membekalkan angka-angka kerugian dan perkara-perkara yang ada berkaitan. Sebagai perkara yang akhir iaitu berkenaan dengan ganti rugi RM10,088

Tuan Ding Seling: Yang Berhormat, banyak lagi penjelasan tambahan, jawapan tambahan?

Dato' Wong See Wah: Ya.

Tuan Ding Seling: Diminta Yang Berhormat Datuk Chong Kah Kiat untuk mengemukakan Usul.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

6.13 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Chong Kah Kiat]:

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan sehingga Rang Undang-undang Mahkamah Kehakiman (Pindaan)(No.2) 1995 diluluskan.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Ding Seling: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis iaitu:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan sehingga Rang Undang-undang Mahkamah Kehakiman (Pindaan)(No.2) 1995 diluluskan,

hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan sehingga Rang Undang-undang Mahkamah Kehakiman (Pindaan)(No.2) 1995 diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG
PERBEKALAN TAMBAHAN (1995)(No.2) 1995**

Bacaan Kali Yang Kedua

Perbahasan disambung semula.

Tuan Ding Seling: Baiklah, sila teruskan.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, mengenai ganti rugi kepada Syarikat ZEMH atas penamatan kontrak pembinaan Restoran Melayu, sebenarnya ganti rugi dibayar kepada Syarikat ZEMH kerana syarikat telah membuat pembelian alat perabot Restoran Melayu seperti alat perkakas dapur, kerusi meja, sound system dan lain-lain untuk mengendalikannya.

Setelah syarikat gagal menyiapkan pembinaan restoran serta gagal memenuhi syarat-syarat penyewaan oleh pemilik, maka kontrak ini terpaksa ditamatkan.

Jadi, itulah sebabnya tidak habis-habis timbul tuntutan antara satu dengan lain tetapi dengan sukacitanya dimaklumkan perkara ini memang sudah selesai cuma tinggal untuk bayaran pampasan gantirugi sahaja. Saya telah disyaratkan oleh Datin Hajah Wan Intan mengenai mengapa ada peruntukan

tambahan di minta melalui Perbekalan Tambahan untuk satu-satu kepala itu di mana saya percaya pada masa saya menjawab soalan ini Datin Hajah Wan Intan tidak berada di Dewan oleh kerana ada urusan lain. Sebenarnya, seperti yang telah saya jelaskan, ia adalah kerana 'book entry' kerana satu-satu jabatan yang diwujudkan itu adalah perlu mewujudkan perbekalan baru, manakala peruntukan lama perlu juga dibukukan seperti yang asal. Jadi, sebenarnya ia tidaklah merupakan satu pertambahan yang baru, tetapi ia adalah satu 'book entry' sahaja. Oleh yang demikian, saya sekali lagi mengucapkan berbanyak terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian untuk memberi pandangan dan teguran atas bekalan ini dan saya memohon maaf jikalau sekiranya ada masih terdapat kekurangan dan memang saya tidak dapat menjawab semuanya, oleh itu saya berjanji akan mengambil perhatian dan pihak kerajaan juga akan mengambil kira semua pandangan dan teguran yang telah ditimbulkan. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Saya hendak minta panduan daripada Tuan Yang di-Pertua sedikit. Pada petang ini saya mengucapkan tahniah kepada Timbalan Menteri Kewangan yang telah dapat menggulung semua kementerian iaitu 11 kementerian di dalam tajuk rang undang-undang kita. Maksudnya 11 tajuk dan 11 peruntukan - cara lain. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya minta pandangan, bukanlah maknanya kita menidakkan Timbalan Menteri menjawab lebih bagus tadi kerana semua kementerian dia menjawab, tetapi ada masanya apabila kita hendak minta penjelasan, takut-takut Timbalan Menteri tadi tidak dapat menjelas dengan lebih lanjut berkenaan dengan

sesuatu kementerian itu, sebab maklum sahajalah, takkan dia tahu semua kementerian, misalannya, tadi di sebut Tan Sri Yahya - saya rasa dia belum mendapat Tan Sri lagi, dia dapat Dato' Seri sahaja, jadi, inilah perkara-perkara kecil yang saya bawa tadi dan saya pun hendak minta banyak penjelasan tadi, tetapi saya fikir nanti Timbalan Menteri hendak mendapatkan surat daripada pegawai pula kerana hendak masuk balik dan baca balik, Itupun nampaknya tadi banyak yang terputus-putus, bila Timbalan Menteri sudah hendak habis, hendak duduk, tetapi ada lagi yang hendak dijawab.

Jadi saya hendak minta panduan daripada Tuan Yang di-Pertua mengapa tidak ikut cara Dewan-dewan Undangan Negeri, tiap-tiap exco yang bertanggungjawab dengan portfolio itu dia jawab. Jadi, disini kalau berkenaan dengan Budget, sudah tentulah Timbalan Menteri Kewangan, tetapi kalau berkenaan dengan Kementerian Pembangunan Usahawan, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Luar Negeri, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, tentu ini semua melibatkan peruntukan tambahan dan sudah tentu jawapannya berlainan. Jadi, saya hendak minta panduan adakah cara ini baik untuk ahli-ahli Senate kita mendegar jawapannya. Bukan hendak menidakkan, minta maaf Timbalan Menteri Kewangan, you have done a marvellous job, dengan izin, tetapi bolehkah kita buat cara lain sedikit, ramaikan lagi Timbalan Menteri dan juga Setiausaha Parlimen supaya mereka ada di sini bersama-sama kita hingga pukul 6.30.

Tuan Ding Seling: Kita ucapkan terima kasih kepada Dato'

Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, bagaimanapun mengikut tradisi Dewan ini, kalau ianya mengenai Perbekalan Tambahan, boleh dijawab oleh seorang timbalan menteri atau menteri berkenaan, bagaimanapun dalam Anggaran Perbekalan nanti, semua kementerian akan terlibat untuk menjawab.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Jadi, ini hanya tradisi sahaja, bukan satu undang-undang ataupun satu prosedur Dewan, kalau begitu, bolehlah kita ubah.

Tuan Ding Seling: Akan dipertimbangkan.

Dato' Wong See Wah: Boleh saya jawab? Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Dewan Senate ini memang memberi peluang supaya menteri-menteri berkenaan menjawab soalan-soalan tertentu mengenai kementerian-kementerian yang tertentu. Walau bagaimanapun, oleh kerana satu-satu perbekalan yang ditimbulkan dan yang biasa di bawa itu melibatkan beberapa kementerian sahaja dan begitu juga untuk perkara yang terlibat itu adalah perkara yang mungkin remeh-temeh dan adalah tertentu, walau bagaimanapun, oleh kerana cara kita bertanyakan soalan itu berlainan, yang bermakna tidak melibatkan tajuk-tajuk tertentu tetapi kita memperluaskan penggunaan tajuk itu untuk bertanya soalan-soalan yang luas. Jadi, ia menjadi tidak mudah untuk menjawab semua soalan yang ada berkaitan. Jadi, kalau difikirkan semula, mungkin boleh kita minta untuk satu-satu kementerian itu hadir untuk menjawab satu-satu soalan bagi satu-satu kementerian yang berkaitan, dan ini mungkin dapat diberitahu dengan lebih awal lagi kepada Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Saya bukanlah hendak

bertikam lidah dengan Timbalan Menteri Kewangan, tetapi saya tidak begitu berkenanlah apabila dia menyebut perkara 'remeh-temeh' tadi yang di bawa oleh Ahli-ahli Senate. Perkara yang dibawa oleh Ahli Senate ke Dewan Negara ini adalah perkara yang penting, bukannya perkara remeh-temeh, saya harap itu dapat dimaklumkan.

Tuan Ding Seling: Saya bersetuju.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, bukan tujuan saya untuk menyifatkannya sebagai 'remeh-temeh', maksud saya perkara-perkara tersebut adalah tidak begitu luas dan merupakan perkara-perkara tertentu dan mungkin tidak payah kita melibatkan menteri-menteri ataupun kementerian-kementerian yang berkaitan itu untuk menjawab dan kebanyakan ada kaitan dengan Kementerian Kewangan, jadi, saya fikir mungkin sesuai untuk Kementerian Kewangan menjawab semua soalan itu. Terima kasih.

Tuan Ding Seling: Saya fikir penggunaan perkataan 'remeh-temeh' di situ kurang tepatlah, dan penjelasan beliau itu kita terima.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1995 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

Bacaan Kali Yang Ketiga

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1995 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu telah dipersetujukan tanpa pindaan. Mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 53 (2) Peraturan Mesyuarat Majlis Dewan Negara, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1995) (No. 2) 1995 dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Chong Kah Kiat]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Ding Seling: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG MAHKAMAH KEHAKIMAN (PINDAAN)(NO.2) 1995

Jawatankuasa

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Ding Seling *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Haji Kamaluddin: Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan. Adakah kita perlu Bacaan Kali Kedua, sebelum ia masuk ke dalam Committee Stage? Tidak payah, Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Tuan Ding Seling]: Tidak payah. Terima kasih.

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Tuan Ding Seling: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah tamat. Dewan ini ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari Isnin, bertarikh 18hb. Disember 1995.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.35 petang.